

RISALAH UNTUK JEMAAH HAJI DAN UMRAH

رسائل للحجاج والمعتمرين
باللغة الماليزية

Dr. Yahya bin Ibrahim Al Yahya

ردمك

**"RISALAH UNTUK JEMAAH HAJI
DAN UMRAH"**

**Tajuk Buku : "Rasaail lil Hajjaj wal
Mu`tamiriin"**

Penulis: Dr. Yahya bin Ibrahim Al Yahya

**Buku Ini Diterjemahkan Oleh:
Abdul Jabbar Bin Abdul Kahar
Abdul Rahman bin Abdul Rahim
Mohd Hafis Bin Abdul Basir**

**Disemak Oleh :
Asyraf Isyraqi Bin Jamil
Mohd Lokman Bin Mat Sin
Mohd Shamsul Hakim Bin Abdul Samad**

**Susun Atur dan Edit Oleh :
Edde Bin Kamaruzaman**

ISI KANDUNGAN

- Isi Kandungan	ii
- Sekapur Sirih.....	1
- Risalah Pertama	5
- Risalah Kedua.....	26
- Risalah Ketiga	44
- Risalah Keempat.....	65
- Risalah Kelima.....	73
- Risalah Keenam	89
- Risalah Ketujuh.....	100
- Risalah Kelapan	108
- Risalah Kesembilan	130
- Risalah Kesepuluh.....	139
- Doa-doa Pilihan	156

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

SEKAPUR SIRIH

Bismillah ar-Rahman ar-Rahim

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam. Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, Pelindung kepada hamba-hamba yang soleh, dan aku bersaksi bahawa Muhammad –sallalahu 'alaihi wa sallam- adalah hamba dan pesuruh Allah, pemimpin kepada golongan yang muncul pada hari akhirat nanti dalam keadaan putih bercahaya, baginda telah menyebarkan risalah, menunaikan amanah, menasihati ummah dan telah meninggalkan kita di atas jalan yang terang-benderang (malamnya seperti siang), barangsiapa yang menyimpang dari jalan tersebut pasti akan binasa. Allah bersetlawat ke atas baginda, ke atas ahli keluarganya, para sahabat dan juga ke atas mereka yang menyampaikan dakwah dengan dakwah yang ditunjukkannya, yang mengikut sunnahnya, yang menurut jejak langkahnya serta mereka yang berjalan di atas jalan petunjuknya sehingga hari akhirat.

Jemaah yang dihormati, wahai hamba yang dipilih oleh Allah di antara jutaan kaum muslimin untuk mengunjungi rumahNya yang suci... Aku

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

memohon kepada Allah yang Maha Tinggi agar melindungi anda di dunia dan di akhirat serta melimpahkan keberkatan kepada anda di mana jua anda berada.

Saudaraku yang dimuliakan Allah... anda telah menanggung berbagai-bagai risiko dan kepayahan, membelanjakan sejumlah harta, meninggalkan kampung halaman, meninggalkan keluarga dan anak-anak semata-mata untuk menunaikan kewajipan yang telah difardhukan oleh Allah dengan menunaikan haji ke rumahNya yang suci. Semoga Allah menjadikan haji anda haji yang mabrur, dosa anda dosa yang diampunkan, menutup segala celaan dan perkara yang memalukan bagi anda.

Saudaraku yang dimuliakan Allah... cinta saya kepada anda, kegembiraan saya di atas kedatangan anda dan keselamatan anda, mendorong saya untuk mengemukakan beberapa pesanan sebagai satu kewajipan yang harus saya tunaikan kepada anda serta sebagai sahutan kepada perintah Tuhan kita yang Maha Tinggi dan Agung, yang telah berfirman:

اَللّٰهُمَّ اسْأَلُكَ مُغْفِرَةً لِّذَنْعَةِ حَجَّٰنِي

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

(... Dan mereka berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.)
[al-'Asr: 3]

Risalah ini juga sebagai salah satu usaha dalam rangka untuk mengikuti petunjuk kekasih kita, imam kita dan contoh ikutan kita iaitu Nabi kita Muhammad –sallalLahu 'alaihi wa sallam– yang telah bersabda:

((مُثُلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَافُطِهِمْ كَمُثُلِ الْجَسَدِ
الْوَاحِدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عَضْوٌ تَدْعُى لِهِ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ
وَالْحَمْى))

((Perumpamaan orang mukmin dalam hal saling mencintai, saling berkasih-sayang dan saling berbelas kasihan adalah seperti satu tubuh, jika ada salah satu anggotanya yang mengeluh kerana sakit, maka seluruh anggota tubuh juga turut merasakan kesakitan itu dengan tidak mampu tidur dan diselubungi demam.))⁽¹⁾

Bahkan baginda juga telah bersabda:

((الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبَنِيَانَ يُشَدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا))

⁽¹⁾ Riwayat Bukhari (10/367) dan Muslim (3586) daripada hadis an-Nu'man

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

((Perumpaan seorang mukmin dengan seorang mukmin yang lain bagaikan sebuah bangunan yang saling berikatan antara satu sama lain))⁽²⁾

Saya berharap agar anda dapat mencurahkan perhatian terhadap pesanan-pesanan saudara anda yang mencintai dan menyayangi anda ini. Semoga Allah menjadikan ia bermanfaat bagi anda.

⁽²⁾ Riwayat Bukhari (5/72) dan Muslim (2586) daripada hadis Abu Musa al-'Asy'ariy

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

RISALAH PERTAMA

Saudaraku, jangan lupa bahawa tujuan utama kedatangan anda ke negeri ini adalah untuk menunaikan ibadah haji. Oleh itu, ketahuilah bahawa ibadah haji dan semua jenis amal perbuatannya mempunyai syarat-syarat yang harus dipenuhi agar ia diterima dan dikurniakan pahala kepada yang menunaikannya, lalu syarat-syarat yang dimaksudkan adalah:

1. Ikhlas kerana Allah –SubhanaHu wa Ta'ala-. Allah –'Azza wa Jalla- telah berfirman:

أَنَّمَا الْمُبَارَكَةُ مِنْ رَبِّكُمْ مَمْلَكَةٌ لِّلَّهِ الْعَزِيزِ

(Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlasan ibadah kepadaNya ...) [al-Bayyinah: 5]

2. Amalan tersebut hendaklah bertepatan dengan sunnah Rasulullah –sallalLahu 'alaihi wa sallam-. Rasulullah telah bersabda:

((مَنْ عَمِلَ عَمَلاً لَّيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رُدٌّ))

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

((Barangsiapa yang mengerjakan suatu amalan yang tiada tuntutan daripada kami terhadapnya, maka ia tertolak [iaitu amalan tersebut ditolak dan tidak diterima].))⁽³⁾

Pastikan anda sentiasa bertanya: Adakah amalan anda diterima atau tidak?

Rasulullah –sallalLahu 'alaihi wa sallam- telah bersabda berkenaan dengan ibadah haji:

((خُنُوْعٌ عَنِّي مَنَاسِكَكُمْ))

((Ambillah daripadaku kaedah menunaikan haji kamu.))⁽⁴⁾

Maksudnya: Pelajarilah dan amalkan dengan apa yang aku lakukan semasa menunaikan haji, dan jangan kamu mengada-adakan sesuatu yang baru yang datang daripada diri kamu.

Perlaksanaan ibadah haji dan umrah yang terbaik yang dilakukan oleh seorang muslim adalah perlaksanaan yang dibuat seperti yang dipersembahkan oleh Rasulullah –sallalLahu 'alaihi wa sallam- supaya ibadah dan pelakunya

⁽³⁾ Riwayat Bukhari (5/221) dan Muslim (1718) daripada hadis Aisyah

⁽⁴⁾ Riwayat Muslim (1218) dan Abu Daud (1970) daripada hadis Jabir

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

itu berhak mendapat kecintaan dan keampunan daripada Allah –'Azza wa Jalla-.

Allah -Ta'ala- telah berfirman:

وَإِنْ كُلُّ أُنْفَارٍ لَّا يَعْلَمُ مَا فِي أَنفُسِهِ إِنَّ اللَّهَ لَغَنِيٌّ عَنِ الْإِنْسَانِ وَالْإِنْسَانُ لَغَنِيٌّ عَنْ أَنْفُسِهِ إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْضِ وَالْأَنْهَارِ
وَمَا يَعْلَمُ أَنْفُسُهُمْ بِأَنْفُسِهِمْ إِنَّ اللَّهَ لَغَنِيٌّ عَنِ الْإِنْسَانِ

(Katakanlah, jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mengasihimu dan mengampuni dosa-dosamu.) [Ali-Imran: 31]

Maka, sudah menjadi kewajipan anda untuk mempelajari hukum dan tuntutan ibadah haji serta bertanya kepada mereka yang lebih mengetahui (dalam perkara tersebut).

Berikut, saya akan menerangkan di sini secara ringkas kaedah menunaikan ibadah haji dan umrah dan **anda hendaklah membaca berkenaan ibadah ini di dalam buku-buku yang lain untuk mengetahui dengan lebih terperinci:**

Kaedah menunaikan ibadah Umrah

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

1. Apabila anda telah sampai di miqat, maka mandilah sepertimana anda mandi ketika berhadas besar (mandi junub) jika anda mampu untuk melaksanakannya. Pakailah wangian yang paling baik. Kemudian pakailah kain ihram, iaitu dua helai kain putih yang dijadikan penutup badan dan kain sarung. Manakala bagi wanita pula boleh menggunakan apa sahaja pakaian yang sesuai dengan syarat tidak menzahirkan hiasan berlebihan kepada orang lain dan tidak menyerupai lelaki. Kemudian berniat ihram (di dalam hati) sambil menyebut (di mulut):

(لَبَيْكَ عُمْرَة)

(jika anda hendak mengerjakan umrah). Kemudian bertalbiah dengan talbiah yang telah diajarkan kepada kita seperti:

لَبَيْكَ اللَّهُمَّ لَبَيْكَ، لَبَيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَيْكَ، إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ
لَكَ وَالْمُلْكُ لَا شَرِيكَ لَكَ

“Kusahut panggilanMu Ya Allah kusahut panggilanMu, kusahut panggilanMu yang tidak ada sekutu bagiMu, kusahut panggilanMu. Sesungguhnya pujian, nikmati dan kekuasaan itu hanya milikMu semata-mata, tidak ada sekutu

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

bagiMu.

Berihram daripada miqat itu adalah satu kewajipan. Jika anda menunaikan haji atau umrah, maka anda tidak boleh melepassi miqat tanpa berihram daripadanya.

2. Apabila anda telah bernalat ihram untuk melaksanakan ibadah haji atau umrah, maka ketahuilah bahawa anda dilarang melakukan perbuatan-perbuatan yang berikut:

A) Memotong rambut atau mencabut bulu dari mana-mana bahagian badan. Firman Allah –Ta'ala-:

اَنْ لَا يَحْرِمَ الْمُحْرِمَاتُ مَا لَمْ يَنْهَا اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ

(... Dan janganlah kamu mencukur kepala kamu (untuk bertahallul), sebelum binatang (korban) itu sampai (dan disembelih) di tempatnya ...) [al-Baqarah: 196]

B) Memakai minyak wangi pada badan atau pakaian, atau memakan makanan yang berbau harum berdasarkan kepada hadis yang diceritakan di dalamnya kisah seorang lelaki yang terjatuh daripada untanya (ketika menunaikan haji) lalu meninggal dunia akibat

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

dipijak oleh unta tersebut, lalu Rasulullah – sallalLahu 'alaihi wa sallam- bersabda:

((وَلَا تَحْمِلُوهُ وَلَا تَخْمِرُوا رَأْسَهُ))

((Janganlah kamu memakaikan minyak wangi kepadanya, dan janganlah kamu tutup kepalanya.))⁽⁵⁾

Bagi orang yang berihram, tidak boleh memakai pakaian yang terkena minyak wangi atau *War's* atau *Za'faran* (jenis-jenis tumbuhan yang berbau haram).

C) Menjalinkan persetubuhan secara terus (melalui kemaluan), dan ini merupakan larangan yang paling dititik-beratkan kerana ia boleh merosakkan ibadah haji sekiranya perbuatan ini berlaku sebelum tahallul awal, lalu barangsiapa yang melakukannya, dia perlu menyempurnakan hajinya ini (sehingga akhir) dan menunaikan ibadah tersebut sekali lagi pada tahun hadapan, dan dia juga perlu menyembelih seekor unta. Begitu juga dilarang melakukan perkara-perkara yang mampu menimbulkan syahwat sama ada dengan cara berciuman, berpegangan,

⁽⁵⁾ Riwayat Bukhari dan Muslim

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

bersentuhan, bersetubuhan tanpa melalui kemaluan atau seumpamanya, dan orang yang berihram juga dilarang kepadanya segala perkara yang berkaitan dengan akad nikah, maka dia dilarang berkahwin atau mengahwinkan orang lain berdasarkan kepada sabda Rasulullah –sallalLahu 'alaihi wa sallam-:

((لَا يَنْكِحُ الْخَرْمَ وَلَا يُنكِحُ وَلَا يَخْطُبُ))

((Tidak boleh berkahwin orang yang sedang di dalam ihram, atau mengahwinkan orang lain, atau meminang.))⁽⁶⁾

D) Khusus kepada jemaah lelaki, anda dilarang memakai pakaian yang berjahit sama ada pakaian itu berjahit keseluruhan sehingga menutupi seluruh badan seperti baju atau jahitan itu menutupi separuh daripadanya seperti pakaian dalam atau seluar. Begitu juga dilarang bagi lelaki menutup kepalanya dengan sesuatu yang melekat terus ke kepala seperti serban, topi atau seumpamanya.

⁽⁶⁾ Riwayat Muslim (1409)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

E) Orang yang berihram samada lelaki atau wanita dilarang membunuh binatang buruan darat, menolong orang untuk berburu atau menghalau (binatang tersebut) daripada tempatnya.

F) Khusus bagi jemaah wanita, anda dilarang memakai penutup wajah ('Burqa') iaitu kain yang menutup seluruh muka kecuali pada bahagian mata, bahkan dilarang juga kepada wanita memakai sarung tangan iaitu yang meliputi keseluruhan kedua-dua tangannya, seperti mana yang disebut oleh Rasulullah –sallalLahu 'alaihi wa sallam-:

((لَا تُنْقِبَ الْمَرْأَةُ الْحُرْمَةُ وَلَا تُلْبِسَ الْقَفَازَيْنَ))

((Wanita yang di dalam ihram tidak boleh memakai penutup muka dan tidak boleh memakai sarung tangan.))⁽⁷⁾

Namun, jemaah wanita diharuskan untuk menutup wajahnya sekiranya terdapat bersamanya jemaah lelaki yang bukan mahram seperti mana yang disebut oleh Aisyah –radhiyalLahu 'anha-:

⁽⁷⁾ Riwayat Bukhari (1838)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

((كَانَ الرُّكْبَانُ يَمْرُونُ بِنَا وَنَحْنُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَإِذَا حَادُونَا سَدَّلْتُ إِحْدَانَا جَلْبَابَهَا مِنْ رُؤْسِهَا عَلَى وُجُوهِهَا، فَإِذَا حَوَّزُونَا كَشْفَنَا))

((Suatu ketika, satu kelompok manusia yang menaiki kenderaan melewati kami, dan pada waktu itu kami sedang bersama Rasulullah, lalu apabila mereka hampir kepada kami, setiap seorang daripada kami (yang sedang berihram ketika itu) menurunkan kain pakaianya daripada kepala untuk menutup wajahnya. Apabila mereka telah pergi, maka kami membukanya kembali.))⁽⁸⁾

3. Perbanyakkanlah dengan talbiah (sepanjang perjalanan) sehingga sampai ke bumi Makkah sebelum anda hendak memulakan tawaf di Ka'abah. Apabila anda telah tiba di Makkah, tawaflah mengelilingi Ka'abah sebanyak tujuh pusingan bermula daripada Hajar al-Aswad sehingga berakhir padanya, kemudian tunaikan solat dua rakaat di belakang Maqam Ibrahim

⁽⁸⁾ Riwayat Abu Daud (1562), Ibnu Majah (2926) dan Imam Ahmad (22894)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

dengan jarak yang dekat jika anda mampu atau jauh sedikit jika keadaan tidak mengizinkan.

4. Apabila anda telah menunaikan solat dua rakaat, maka keluarlah ke bukit Safa untuk mengerjakan sa'ie (perjalanan) di antara bukit Safa dan bukit Marwah iaitu sebanyak tujuh pusingan, sebagai sa'ie umrah. Mulakan ibadah sa'ie anda daripada bukit Safa dan berakhir di bukit Marwah. Dikira daripada Safa ke Marwah sebagai satu pusingan, begitu juga daripada Marwah ke Safa sebagai satu pusingan, sehingga anda selesai (tujuh pusingan) di bukit Marwah.

5. Apabila anda telah menyempurnakan sa'ie, bercukurlah atau pendekkan semua rambut di kepala anda, namun bercukur adalah lebih baik. Dengan demikian selesai ibadah umrah yang dilaksanakan. Anda boleh kembali seperti sediakala, dihalalkan kepada anda segala perkara yang diharamkan ketika sedang berihram dan dibenarkan kepada anda memakai pakaian-pakaian.

6. Sekiranya anda ingin mengerjakan haji sahaja, maka berniatlah ihram (di dalam hati) sambil menyebut (di mulut):

(لَبِيكَ حَجَّا)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Kemudian perbanyakkanlah bertaibiah, kerana waktu untuk bertaibiah dibenarkan sehingga sampai waktu untuk anda melontar di Jamrah 'Aqabah. Apabila anda telah sampai di Ka'abah, maka tawaflah di sekelilingnya sebanyak tujuh pusingan sebagai tawaf qudum, jika anda mengerjakan ibadah sa'ie, maka dikira ia sebagai sa'ie haji, dan jangan bercukur, kerana anda perlu kekal di dalam ihram sehingga anda bertahallul (bercukur atau memendek rambut) pada Hari Raya Aidil Adha (hari kesepuluh daripada Zulhijjah).

7. Sekiranya anda ingin mengerjakan haji dan umrah bersama, maka berniatlah ihram (di dalam hati) sambil menyebut (di mulut):

(لَبِيْكَ عُمْرَةً وَحَجَّاً)

Kemudian perbanyakkanlah bertaibiah, kerana waktu untuk bertaibiah dibenarkan sehingga sampai waktu untuk anda melontar di Jamrah 'Aqabah. Lalu laksanakan perkara-perkara yang perlu seperti yang dilakukan oleh mereka yang mengerjakan haji sahaja (seperti di atas).

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Kaedah menunaikan ibadah Haji

1. Pada hari kelapan daripada bulan Zulhijjah, anda boleh berihram untuk menunaikan ibadah haji di tempat tinggal anda (jika anda mengerjakan haji Tamattu'), mandilah sekiranya anda berkesempatan, kemudian pakailah pakaian ihram dan seterusnya berniatlah ihram (di dalam hati) sambil menyebut (di mulut):

(لَبِيْكَ حَجَّاً)

dan perbanyakkan dengan bertalbiah sehingga anda melontar di Jamrah 'Aqabah.

2. Sekiranya anda mengerjakan haji Ifrad atau haji Qiran, maka anda hanya kekal dengan ihram yang pertama.

3. Apabila selesai, berangkatlah ke Mina, kemudian tunaikan solat Zohor dua rakaat, begitu juga solat Asar dua rakaat, solat Maghrib tiga rakaat, solat Isyak dua rakaat dan solat Subuh dua rakaat. Setiap solat perlu dikerjakan pada waktunya (tanpa jama').

4. Apabila matahari telah terbit pada hari Arafah (hari kesembilan daripada Zulhijjah), berangkatlah ke Arafah sambil bertalbiah, kemudian tunaikan solat Zohor dan Asar secara jama' taqdim (jama' pada waktu Zohor) dengan

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

sekali azan dan dua kali iqamah. Duduklah di Arafah sehingga terbenam matahari, perbanyakkan dengan berdoa dan berzikir sambil menghadap kiblat. Pastikan anda benar-benar berada di dalam kawasan Arafah dan jangan keluar daripada kawasan tersebut sebelum terbenam matahari.

5. Apabila matahari telah benar-benar terbenam, bergeraklah daripada Arafah menuju ke Muzdalifah dengan damai dan tenang. Kerjakanlah solat Maghrib dan solat Isyak secara jama' dengan sekali azan dan dua kali iqamah, iaitu dengan menunaikan solat Maghrib tiga rakaat dan solat Isyak dua rakaat. Seterusnya tunaikan solat Subuh dua rakaat di situ juga. Setelah itu, duduklah di situ dengan memperbanyakkan berdoa dan berzikir sehingga hampir terbit matahari.

6. Apabila matahari telah hampir terbit (hari kesepuluh daripada Zulhijjah), bergeraklah daripada Muzdalifah menuju ke Mina dengan bertakbir. Apabila telah sampai di Mina, lakukan perkara-perkara yang berikut:

- Melontar anak batu di Jamrah 'Aqabah iaitu tempat melontar yang paling dekat dengan Makkah dengan tujuh biji anak batu secara berturut-turut. Bertakbirlah ketika

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

setiap kali melontar dan pastikan anak-anak batu itu benar-benar jatuh ke dalam telaganya (lubang lingkaran).

- Menyembelih haiwan korban dan makan sebahagian dagingnya, kemudian disedekahkan kepada fakir miskin (bakinya).

Korban ini perlu dilaksanakan bagi mereka yang mengerjakan haji Tamattu' dan Qiran. Sekiranya anda tidak mampu untuk melaksanakannya, maka anda perlulah berpuasa selama tiga hari semasa waktu haji dan melengkapkan sebanyak tujuh hari apabila anda telah pulang ke tempat anda.

- Bercukur rambut atau memotong pendek seluruhnya. Bagi jemaah wanita, hanya perlu memotong rambutnya sedikit sekadar saiz jari kelingking.

Lakukan tiga perkara ini bermula dengan melontar, menyembelih kemudian bercukur, jika sekiranya mampu dilakukan mengikut tertib di atas. Sekiranya tidak mampu mengikut tertib di atas, tidak mengapa dikerjakan tanpa mengikut tertib tersebut.

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Setelah dilakukan kesemuanya, anda dikira sudah bertahallul awal, anda dibenarkan memakai baju dan melakukan perkara-perkara yang diharamkan semasa berihram kecuali persetubuhan bersama isteri.

7. Selepas itu, bergeraklah ke Makkah untuk mengerjakan tawaf ifadhat (tawaf haji). Kemudian laksanakan sa'ie haji di antara Safa dan Marwah sekiranya anda melakukan haji Tamattu'. Dengan demikian anda telah melakukan tahallul kedua, dan anda boleh melakukan semua perkara yang dilarang semasa berihram termasuk bersama dengan isteri.

8. Jika anda melakukan haji Ifrad atau Qiran, anda perlu melaksanakan tawaf di sekeliling Ka'abah, dan kemudian melaksanakan sa'ie di antara Safa dan Marwah jika sekiranya anda tidak melakukan ibadah sa'ie tersebut selepas tawaf qudum dahulu.

9. Setelah selesai melaksanakan tawaf dan sa'ie, bolehlah bergerak ke Mina dan bermalam di sana pada malam kesebelas dan kedua belas daripada Zulhijjah.

10. Pada hari kesebelas dan kedua belas daripada Zulhijjah selepas tergelincir matahari, lontarlah anak-anak batu di ketiga-tiga jamrah bermula dengan Jamrah U'la (tempat melontar

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

yang paling jauh daripada Makkah), seterusnya di Jamrah Wusta (tempat melontar yang di tengah) dan akhirnya di Jamrah 'Aqabah. Di setiap satu jamrah, dilontar padanya dengan tujuh biji anak batu. Semasa melontar, bertakbirlah setiap kali melontar. Disunatkan berdoa kepada Allah dengan menghadap kiblat selepas selesai lontaran anak-anak batu di Jamrah U'la dan di Jamrah Wusta. Tidak dibolehkan melontar anak-anak batu ini pada kedua-dua hari tersebut sebelum waktunya iaitu sebelum waktu gelincir matahari.

11. Setelah selesai melontar anak batu pada hari yang kedua belas daripada Zulhijjah dan anda ingin keluar awal daripada Mina, maka keluarlah sebelum waktu terbenam matahari. Sekiranya anda bercadang untuk keluar lewat dan kekal di Mina -itulah yang lebih baik-, maka bermalamlah di Mina pada malam hari ketiga belas daripada Zulhijjah, dan melontar anak batu pada ketiga-tiga jamrah tersebut selepas waktu tergelincir matahari (hari ketiga belas daripada Zulhijjah), seperti yang telah dilakukan pada hari kedua belas.

12. Apabila anda hendak pulang ke negara anda, maka laksanakan tawaf wida' di Ka'abah (sebelum anda keluar daripada Makkah) dengan

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

tujuh pusingan. Wanita yang di dalam haid dan nifas tidak perlu melaksanakan tawaf ini (tawaf wida').⁽⁹⁾

⁽⁹⁾ Lihat: Risalah 'Bagaimana Kamu Menunaikan Ibadah Haji dan Umrah' karangan Syeikh Muhammad ibn 'Uthaimin

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Ziarah Madinah Nabawiyah

Saudaraku, ketahuilah bahawa disyariatkan kepada seorang muslim sama ada pada musim haji atau musim-musim yang lain untuk menziarahi masjid Nabi yang mulia berdasarkan kepada sabda Nabi –sallalLahu 'alaihi wa sallam- :

((لَا تُشْدِدُ الرَّحَالَ إِلَىٰ ثَلَاثَةِ مَسَاجِدٍ: الْمَسَاجِدُ الْحَرَامُ
وَمَسَاجِدُهَا هَذَا وَالْمَسَاجِدُ الْأَقْصَى))

((Janganlah kamu bersusah payah untuk bermusafir melainkan menuju ke tiga buah masjid: Masjid al-Haram, Masjidku (Masjid Nabawi) dan Masjid al-Aqsa.))⁽¹⁰⁾

Apabila anda telah sampai –wahai saudaraku dengan peliharaan Allah dan lindunganNya- di bumi Madinah, mulakanlah dengan menziarahi masjid Nabi kerana solat di dalamnya lebih baik daripada solat di masjid-masjid yang lain dengan seribu kali ganda. Sabda RasululLah –sallalLahu 'alaihi wa sallam-:

⁽¹⁰⁾ Riwayat Bukhari (2/76) dan Muslim (4/125)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

((صلوة في مسجدي هذا أفضـل من ألف صلاة فيما سواه إلا المسجد الحرام))

((Sembahyang di masjidku ini adalah lebih baik daripada mendirikan solat sebanyak seribu kali di masjid yang lain kecuali di Masjid al-Haram.))⁽¹¹⁾

Kemudian berilah salam kepada Rasulullah – sallalLahi 'alaihi wa sallam-, Abu Bakar dan Umar –radhiyalLahu 'anhuma- di biliknya yang mulia (dahulu merupakan tempat tinggal Rasulullah) yang menjadi tempat persemadian mereka.

Disunatkan kepada anda menziarahi Masjid Quba' dan bersolat di dalamnya, kerana Nabi – sallalLahu 'alaihi wa sallam- pernah bersabda:

((من خرج حتى يأتي هذا المسجد - يعني مسجد قباء - فيصلـي فيه كـان كعـدل عمرة))

((Barangsiapa yang keluar untuk mengunjungi masjid ini -iaitu Masjid Quba'- kemudian bersolat di dalamnya, maka (pahala)

⁽¹¹⁾ Riwayat Bukhari (3/49) dan Muslim (4/123)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

perbuatan itu seperti (pahala) mengerjakan umrah.)⁽¹²⁾

Anda juga boleh berkunjung ke perkuburan Baqi' dan Syuhada' Uhud untuk berdoa kepada mereka dan beristighfar buat mereka, kerana Nabi -sallalLahu 'alaihi wa sallam- apabila mengunjungi perkuburan Baqi' dan Syuhada' Uhud, baginda akan mendoakan untuk penghuni kubur tersebut dengan berkata:

((السَّلَامُ عَلَى أَهْلِ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَإِنِّي إِنْ شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَلَا حَقُونَ))

((Sejahtera ke atas semua penghuni perkuburan ini daripada kalangan mukminin dan muslimin. Dan kami dengan izin Allah, akan menurut jejak langkah kalian.))⁽¹³⁾

Semoga Allah memelihara anda daripada sebarang keburukan. Inilah tempat-tempat yang disyariatkan untuk diziarahi di bandar suci Madinah Nabawiyyah -kepada Baginda sebaik-baik selawat dan salam-. Adapun tempat-tempat yang selainnya, tidak disunatkan untuk

⁽¹²⁾ Riwayat Ahmad (3/487), Nasai'e (2/37) dan lain-lain

⁽¹³⁾ Riwayat Muslim (2/671) dan Ahmad (6/221)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

mengunjunginya atau menunaikan solat di tempat tersebut, kerana seandainya tempat tersebut memiliki kebaikan, sudah tentu Rasulullah –sallalahu 'alaihi wa sallam akan menyarankannya kepada kita (untuk mengunjunginya). Bahkan kita telah bersaksi bahawa Baginda telah menyebarkan risalah, menunaikan amanah, menasihati ummah dan telah meninggalkan kita di atas jalan yang terang-benderang (malamnya seperti siang), barangsiapa yang menyimpang dari jalan tersebut pasti akan binasa. Allah tidak mematikan Baginda melainkan apabila telah lengkap agama ini dan telah sempurna segala nikmat. Selawat dan salam serta barakah Allah ke atas baginda, ahli keluarganya dan para sahabat seluruhnya.

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

RISALAH KEDUA

Saudaraku yang mulia, di sana terdapat beberapa kesalahan yang sering dilakukan oleh sebahagian jemaah haji, mungkin kerana mereka tidak tahu, lupa atau menganggapnya remeh. Saya akan menyebut di sini sebahagian daripadanya agar anda dapat menghindari daripada melakukan kesalahan tersebut, dengan harapan agar haji anda terhindar (daripada kesalahan) dengan izin Allah –SubhanaHu wa Ta'ala-.

Pertama: Kesalahan-kesalahan yang dilakukan sebahagian jemaah haji ketika berihram:

1. Tidak berihram di miqat.
2. Sebahagian jemaah menyangka bahawa tidak boleh memakai selipar, sekiranya dia tidak memakainya ketika hendak berihram.
3. Sebahagian jemaah haji menyangka bahawa tidak boleh menggantikan kain ihram. Sebenarnya, pakaian ihram boleh ditukar pakai pada bila-bila masa yang dikehendaki.
4. Al-Idhtiba' semasa ihram, -iaitu mendedahkan bahu kanan dan

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

meletakkan hujung kain ihramnya di atas bahu kiri- dilakukan sepanjang berihram. Padahal idhtiba' ini hanya dilaksanakan pada tawaf qudum sahaja.

5. Meyakini bahawa terdapat solat khusus yang wajib didirikan ketika berihram.

Kedua: Beberapa kesalahan yang terjadi antara Miqat dan Masjid al-Haram:

1. Meninggalkan talbiah serta menyibukkan diri dengan bersempang-sembang. Lebih berbahaya dari hal tersebut menghabiskan waktu dengan perkara-perkara yang diharamkan, seperti mendengar nyanyian atau lagu.

2. Mengucapkan talbiah secara berjemaah (beramai-ramai).

Ketiga: Beberapa kesalahan yang terjadi ketika memasuki Masjid al-Haram:

1. Meyakini bahawa untuk masuk ke Masjid al-Haram mestilah melalui pintu tertentu. Oleh itu kita sering mendapati jemaah yang menunaikan ibadah haji menyusahkan dirinya dengan bertanya di mana Bab 'Umrah atau Bab Fatah atau yang lainnya. Padahal perkara itu

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

sangatlah mudah dan senang - alhamdulilLah- kerana anda boleh memasuki pintu mana sahaja yang mudah bagi anda. Jika anda mampu memasuki melalui pintu Bani Syaibah itu sangat elok kerana pernah disebut Rasulullah –sallalLahu 'alaihi wa sallam- masuk melalui pintu tersebut.⁽¹⁴⁾

2. Membaca doa-doa tertentu (yang dikhkususkan) ketika memasuki Masjid al-Haram. Padahal tidak ada sama sekali doa yang khusus dibaca ketika memasuki Masjid al-Haram. Rasulullah –sallalLahu 'alaihi wa sallam- telah mengajar doa ketika memasuki masjid di mana sahaja termasuk Masjid al-Haram, seperti:

((سُبْنِ اللَّهَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي
ذُنُوبِيْ وَافْتَحْ لِيْ أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ))

((Dengan nama Allah, serta selawat dan salam kepada Rasulullah. Ya Allah

⁽¹⁴⁾ Lihat: al-Mughniy (5/210)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

ampunilah dosa-dosaku dan bukakanlah pintu-pintu rahmatMu buatku.))⁽¹⁵⁾

Keempat: Beberapa kesalahan yang terjadi semasa tawaf:

1. Melafazkan niat ketika hendak mengerjakan tawaf. Kita akan mendapati sebahagian jemaah akan mengucapkan:

(اللهم إني نويت أن أطوف بالبيت سبعة أشواط)

“Ya Allah sesungguhnya aku berniat melakukan tawaf di Baitullah sebanyak tujuh kali”.

Padahal hal perkara tersebut sama sekali tidak pernah diajar oleh Rasulullah – sallalLahu 'alaihi wa sallam- dan mana-mana para sahabat baginda yang mulia.

2. Tidak memulakan tawaf dari Hajar Aswad.

3. Berasak-asak ke Hajar Aswad dan Rukun Yamani.

⁽¹⁵⁾ Riwayat Abu Daud (465) daripada hadis Abu Asid al-Ansariy, at-Tirmizi (314), dan Ibnu Majah (771) daripada hadis Fatimah

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

4. Menyangka bahawa mencium Hajar Aswad adalah syarat sah di dalam tawaf.
5. Mencium Rukun Yamani.
6. Berlari-lari anak di seluruh putaran tawaf. Padahal hal tersebut tidak dilakukan kecuali pada tiga putaran pertama dan hanya untuk kaum lelaki sahaja.
7. Mengkhususkan setiap putaran dengan bacaan doa tertentu. Bahkan paling malang apabila terdapat jemaah yang mengerjakan tawaf sambil membaca buku kecil tanpa mengetahui dan memahami makna apa yang dibacakan itu.
8. Masuk ke dalam Hijr Ismail ketika mengerjakan tawaf. Hal ini boleh menyebabkan terbatalnya tawaf seseorang, kerana Hijr Ismail termasuk di dalam bangunan Ka'abah.
9. Tidak menjadikan Ka'abah sebelah kirinya. Hal ini sering terjadi pada orang yang mengawal isterinya semasa mengerjakan tawaf dan melingkungi mereka bersama temannya. Mereka dengan terpaksa menjadikan Ka'abah di sebelah kanannya, depan atau di belakangnya. Hal ini menyebabkan tidak sahnya tawaf yang

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

dilakukan, kerana di antara syarat-syarat sah tawaf ialah kedudukan Ka'abah berada di sebelah kiri anda.

10. Memegang penjuru-penjuru Ka'abah.

11. Meninggikan suara ketika berdoa. Hal ini menyebabkan hilangnya rasa kehusyukan, menjatuhkan kewibawaan Baitullah, dan mengganggu orang lain yang melakukan tawaf. Mengganggu orang lain melakukan tawaf adalah perkara yang mungkar.

12. Menyangka bahawa mengerjakan solat dua rakaat selepas tawaf mesti dilakukan berdekatan dengan Maqam Ibrahim. Oleh itu kita akan melihat mereka akan menyempitkan ruang orang yang sedang bertawaf. Hal ini boleh mendatangkan masalah yang cukup besar.

13. Memanjangkan dua rakaat setelah melakukan tawaf. Perkara ini menyalahi sunnah. Rasulullah –sallalLahu 'alaihi wa sallam- dahulu dan sahabat-sahabat baginda yang mulia, memendekkan dan meringankan dua rakaat tersebut. Di samping itu, mereka (yang memanjangkan solat ini) telah mengganggu orang-orang yang bertawaf dan

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

menyusahkan orang yang lebih berhak untuk mendapatkan tempat tersebut.

14. Mengkhususkan doa tertentu di Maqam Ibrahim. Bahkan yang paling teruk apabila doa itu dilakukan secara berjemaah.

15. Mengusap Maqam Ibrahim. Perbuatan ini sama sekali tidak pernah diajar oleh Rasulullah –sallalLahu 'alaihi wa sallam-.

Kelima: Beberapa kesalahan yang terjadi semasa mengerjakan Sa'ie:

1. Melafazkan niat sa'ie, sedangkan niat itu di dalam hati.

2. Meninggalkan 'larian anak' antara dua tanda hijau bagi lelaki. Manakala bagi wanita berjalan seperti biasa.

3. Ironinya, (di antara kesalahan) adalah berlari anak di seluruh pusingan sa'ie. Ini boleh menyebabkan beberapa kesalahan iaitu: menyalahi sunnah, meletihkan diri sendiri dan berasak-asakan serta menyusahkan orang lain. Sebahagian mereka melakukan perkara tersebut kerana ingin menyelesaikan ibadah tersebut dengan cepat, ini lebih malang lagi daripada kesalahan tadi kerana ia menunjukkan keadaan kelam-kabut dalam beribadah. Ini

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

adalah satu kesalahan yang besar kerana sepatutnya mereka mengerjakan ibadah haji dengan berlapang dada, bergembira dan berasa khusyuk.

4. Membaca ayat:

اَللّٰهُمَّ اسْرِئْنَا بِرَبِّنَا سَلَامًا عَلَى سَفَافِيْرٍ

(Sesungguhnya Safa dan Marwah adalah sebahagian dari Syiar Allah) [al-Baqarah: 158]

setiap kali menaiki bukit Safa dan bukit Marwah, pada hal ayat ini hanya dibaca ketika pertama kali memulakan sa'ie pada saat naik ke bukit Safa sebagaimana yang dianjurkan oleh Nabi –sallalLahu 'alaihi wa sallam- bahawa dia memulakannya dengan apa yang dimulakan oleh Allah, sabda Baginda:

اَللّٰهُمَّ اسْرِئْنَا بِرَبِّنَا سَلَامًا عَلَى سَفَافِيْرٍ

وَلَا يَأْتِنَا حَلَقَةً مِّنْ حَلَقَاتِنَا وَلَا يَأْتِنَا حَلَقَةً مِّنْ حَلَقَاتِنَا

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Dشا fيl كo و bلl n عz i وu و Br 4سy جl s وg f bl

((a çمè

((Aku mulakan dengan apa yang dimulakan oleh Allah: (Sesungguhnya "Safa" dan "Marwah" itu ialah sebahagian daripada Syiar (lambang) agama Allah, maka barangsiapa yang menunaikan ibadah haji ke Baitullah atau umrah, tidak menjadi kesalahan bagi dia untuk mengerjakan sa'ie (perjalanan) di antara kedua-duanya, dan sesiapa yang mahu mengerjakan kebajikan, maka sesungguhnya Allah Pemberi balasan pahala bahkan lagi Maha Mengetahui) [al-Baqarah: 158].))⁽¹⁶⁾

5. Mengkhususkan setiap pusingan dengan doa-doa tertentu.
6. Memulakan sa'ie dari bukit Marwah.
7. Menganggap satu pusingan itu adalah bermula dari bukit Safa kemudian kembali ke situ (ke bukit Safa kembali), menyebabkan ia melakukan sa'ie sebanyak 14 kali.

⁽¹⁶⁾ Riwayat Muslim (1218) dan at-Tirmizi (862)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

8. Mengerjakan sa'ie di luar haji dan umrah, seperti yang diyakini sebahagian orang bahawa ada sa'ie sunat sebagaimana ada tawaf sunat.

Keenam: Beberapa kesalahan yang terjadi ketika tahallul:

1. Mencukur sebahagian rambut kepala.
2. Memotong sebahagian rambut kepala dari satu sisi sahaja. Hal ini bertentangan dengan ayat:

اَنْ fَلَّأَ بِرَبِّنَا مَرَّاً لِّلَّهِ اَ

(... dengan mencukur rambut kepala kalian dan memendekkannya ...) [al-Fath: 27]

3. Mencukur habis atau memotong rambut kepala setelah mengenakan pakaian biasa apabila selesai mengerjakan umrah.

Ketujuh: Beberapa kesalahan yang terjadi pada hari Tarwiyah (hari kelapan Zulhijjah):

1. Meyakini bahawa mengerjakan solat dua rakaat ihram adalah wajib dan memakai pakaian ihram mestilah dengan yang baru.
2. Melakukan idhtiba' (mengeluarkan bahu yang kanan dan menyilangkan kain ihram di bahu sebelah kiri) sepanjang haji. Padahal

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

hal perkara tersebut hanya disyariatkan ketika mengerjakan tawaf qudum sahaja.

3. Meyakini bahawa ihram untuk haji tidak sah apabila mengenakan pakaian yang digunakan untuk umrah.

4. Meninggalkan bacaan talbiah secara jelas (kuat) ketika berangkat menuju ke Mina.

5. Berada terus di Arafah pada hari tersebut.

6. Masih menetap di Makkah dan tidak berangkat ke Mina.

7. Menunaikan solat secara jama' ketika berada di Mina.

8. Menyempurnakan (tidak menqasarkan) solat ketika berada di Mina.

Kelapan: Beberapa kesalahan yang terjadi ketika berangkat menuju Arafah dan ketika wukuf di sana:

1. Meninggalkan talbiah ketika keluar menuju Arafah.

2. Wukuf di luar Arafah setelah tergelincirnya matahari.

3. Mengadap ke arah bukit-bukit, bukan ke arah kiblat pada saat berdoa.

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

4. Meyakini bahawa wukuf di atas bukit itu adalah wajib.
5. Meyakini bahawa Arafah masih di dalam tanah haram dan pokok-pokok di sana tidak boleh ditebang.
6. Meyakini bahawa bukit itu memiliki kesucian yang khusus sehingga mereka berusaha naik ke atasnya, menunaikan solat dan memanjat pokok-pokok yang terdapat di situ.
7. Keluar dari Arafah sebelum terbenamnya matahari.
8. Membuang masa dengan aktiviti yang tidak berfaedah. Apa yang boleh menyebabkan bertambahnya dosa ialah apabila melakukan aktiviti yang haram seperti bergambar, mendengar lagu, nyanyian, cakap kotor dan menyakiti orang lain.

Kesembilan: Beberapa kesalahan yang berlaku ketika hendak menuju ke Muzdalifah dan ketika berada di sana:

1. Kelam-kabut dan terlalu cepat ketika dalam perjalanan (ke Muzdalifah).
2. Duduk bermalam sebelum sampai di kawasan Muzdalifah.

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

3. Menunaikan solat Maghrib dan Isyak di dalam perjalanan sebelum sampai ke Muzdalifah.

4. Melewatkhan solat Isyak daripada waktunya dengan alasan tidak sampai ke kawasan Muzdalifah, sehingga didapati sebahagian jemaah haji apabila terlewat disebabkan kesesakan kenderaan di dalam perjalanan, menyebabkan mereka terlewat tiba di Muzdalifah melainkan setelah berlalu separuh malam ataupun setelah hampir kepada waktu Subuh, maka mereka menunaikan solat Isyak lewat pada ketika itu, dan ini merupakan satu kesalahan besar. Sebenarnya apabila mereka mendapati bahawa waktu solat telah lewat, mereka boleh menunaikan solat di mana sahaja mereka berada ketika itu agar tidak terlepas solat Isyak di dalam waktunya.

5. Menunaikan solat Subuh sebelum masuk waktunya. Sebahagian jemaah haji – semoga Allah mengurniakan petunjuk buat mereka- tidak berhati-hati dengan waktu Subuh. Lalu apabila mereka mendengar suara azan daripada sebahagian jemaah haji, mereka terus segera menunaikan solat

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Subuh (tanpa memastikan waktunya sudah masuk atau tidak).

6. Keluar daripada kawasan Muzdalifah pada malam tersebut tanpa bermalam di situ.

7. Menghidupkan malam tersebut dengan banyak bersebang-sembang atau melakukan perkara-perkara yang haram.

8. Duduk kekal di dalam kawasan Muzdalifah sehingga selepas matahari telah terbit.

9. Meyakini kewajipan mengutip anak-anak batu daripada kawasan Muzdalifah.

Kesepuluh: Beberapa kesalahan yang terjadi ketika melontar jamrah:

Rasulullah –sallalahu 'alaihi wa sallam– telah menerangkan hikmah daripada melontar jamrah dengan sabdanya:

((إِنَّمَا جُعِلَ الطَّوَافُ بِالْبَيْتِ وَالسُّعْيُ بَيْنَ الصَّفَّا وَالْمَرْوَةِ))

((وَرَمِيَ الْجَمَارُ لِإِقَامَةِ ذِكْرِ اللَّهِ لَا لِغَيْرِهِ))

((Sesungguhnya disyariatkan tawaf di Baitullah, sa'ie antara Safa dan Marwah serta melontar jamrah adalah semata-mata untuk

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

menegakkan zikrullah, bukan kerana sebab-sebab lain.))⁽¹⁷⁾

Di antara kesilapan-kesilapan yang berlaku ketika melontar jamrah ialah:

1. Membasuh batu-batu tersebut atau mewangikannya.
2. Menyangka bahawa tiang jamrah tersebut adalah syaitan, sangkaan ini adalah sangkaan yang salah kerana melontar jamrah adalah dalam rangka menegakkan zikrullah dan merealisasikan penghambaan. Hal ini menyebabkan beberapa kemudaratian antaranya:
 - Seseorang itu akan datang melempar dengan penuh perasaan marah dan benci sehingga menyakiti orang lain.
 - Seseorang itu akan lupa bahawa dia sedang beribadah dengan melontar jamrah sehingga dia menggantikan zikir yang telah disyariatkan dengan sesuatu

⁽¹⁷⁾ Hadis riwayat Imam Ahmad (6416, 75, 139) daripada hadis Aisyah, Ibnu Abi Syaibah (432), Abu Daud (1888), al-Khatib di dalam Tarikh Baghdad (11/311) dan Ibn Khuzaimah (2970, 2882)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

yang tidak disyariatkan. Berpandukan sangkaan ini juga kita akan melihatnya lontaran-lontaran dengan batu yang besar ataupun kayu serta kasut.

3. Menyangka bahawa lontaran itu mestilah mengenai tiang jamrah, sedangkan sudah memadai kiranya batu itu memasuki lubang.
4. Mewakilkan orang lain untuk melontar sedangkan dia mampu untuk melakukannya.
5. Menyangka bahawa tidak boleh melontar kecuali dengan batu-batu dari Muzdalifah. Walhal sudah memadai dan sah dengan batu yang diambil daripada mana-mana tempat sekalipun.
6. Melontar tanpa mengikut urutan yang benar.
7. Melontar sebelum masanya.
8. Melontar kurang daripada tujuh biji anak batu.
9. Tidak berdoa selepas melontar jamrah pertama dan kedua.
10. Melontar dengan jumlah batu yang lebih daripada sepatusnya.

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Kesebelas: Beberapa kesilapan dan kesalahan yang terjadi di Mina.

1. Tidak bermalam di Mina tanpa uzur syar'ie. Tidak berusaha mencari tempat bermalam di Mina sehingga dia beralasan tidak ada tempat bermalam lantas dia bermalam di Makkah atau di 'Aziziyah.⁽¹⁸⁾
2. Keluar daripada Mina sebelum tergelincir matahari pada hari kedua belas Zulhijjah.⁽¹⁹⁾

Akhirnya, saudaraku yang mulia, terdapat sebahagian jemaah haji malangnya tidak menggunakan perbelanjaan yang halal semasa menunaikan ibadah haji, lalu anda akan dapat mereka menggunakan hasil pendapatan yang haram, (bahkan RasulLah telah bersabda):

((إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا))

((Sesungguhnya Allah -Ta'ala- baik, tidak menerima (sebarang perkara) kecuali yang baik.))⁽²⁰⁾

⁽¹⁸⁾ Tempat yang terletak di kawasan Mina

⁽¹⁹⁾ Lihat: Kitab karangan Ibnu 'Uthaimin bertajuk 'Jemaah Umrah dan Haji di antara kesalahan dan kebenaran'

⁽²⁰⁾ Riwayat Muslim (1015)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Sebahagian yang lain pula, apabila telah selesai melaksanakan haji, mereka membeli untuk keluarga mereka benda-benda yang haram seperti barang nyanyian, lagu dan alat-alat yang melalaikan, ini semua menafikan tanda kesyukuran kita kepada nikmat Allah – SubhanaHu wa Ta'ala-, apa yang dibimbangkan adalah kelakuan ini terjadi disebabkan haji mereka tidak diterima.

Bersungguh-sungguhlah –wahai saudaraku yang mulia- dengan menggunakan perbelanjaan yang halal untuk menunaikan haji, dan belilah untuk keluargamu dan anak-anakmu apa yang boleh memberikan manfaat kepada mereka seperti buku-buku yang baik dan kaset-kaset yang bermanfaat.

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

RISALAH KETIGA

Ketahuilah saudaraku yang mulia -semoga Allah menjaga anda semua daripada kejahanan dan dosa-, sesungguhnya syaitan selalu berusaha untuk menyesatkan kaum muslimin dan menghiasi kejahanan untuk mereka. Allah – Ta'ala- telah berfirman:

اَقُلْ لَهُمْ يَوْمَ الْحِسْبَرِ إِنَّمَا يُنذَّرُونَ مَنْ يَرَى

(... Dan syaitan berkata: Sesungguhnya aku benar-benar akan mengambil daripada hamba-hambaMu bahagian yang sudah ditentukan.) [an-Nisa': 118]

Firman Allah –SubhanaHu wa Ta'ala- lagi:

قُلْ إِنَّمَا أَنْذِرْتُكُمْ لِتَذَكَّرُوا فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرْبَعْدَلْيَةِ أَنْفُسِكُمْ فَلَا يُؤْمِنُونَ

أَتَرَ الْجِنُّ يُنذَّرُ بِمَا يَصْنَعُ فَلَمَّا سَمِعُوا مِنْ رَبِّهِ نَذْرَةً

اَقُلْ لَهُمْ يَوْمَ الْحِسْبَرِ إِنَّمَا يُنذَّرُونَ مَنْ يَرَى

(Iblis menjawab: Kerana Engkau (Allah) telah menghukum aku sesat maka aku akan menghalangi mereka dari jalan yang lurus. Kemudian akan aku datangi mereka dari hadapan dan belakang mereka dan

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

sesungguhnya Engkau tidak akan mendapatkan kebanyakan mereka bersyukur.) [al-A'raf: 16-17]

Allah –Ta'ala- juga telah berfirman -ketika Dia melarang hambaNya daripada mengikuti jejak langkah syaitan yang membawa manusia kepada kerosakan selangkah demi selangkah namun mereka tidak menyadarinya-:

وَمَنْ يَرِدْ فَلَا يُرْهَبْ بِمَا يَصْنَعُ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ
وَمَنْ يَرِدْ فَلَا يُرْهَبْ بِمَا يَصْنَعُ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ
وَمَنْ يَرِدْ فَلَا يُرْهَبْ بِمَا يَصْنَعُ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ
وَمَنْ يَرِدْ فَلَا يُرْهَبْ بِمَا يَصْنَعُ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ

(Wahai orang yang beriman, janganlah kamu mengikuti jejak langkah syaitan. Barangsiapa yang mengikutinya maka sesungguhnya syaitan itu menyuruh agar kamu mengerjakan perbuatan keji dan mungkar. Kalaulah bukan kerana kurnia Allah dan rahmatNya kepada kamu semua nescaya tiada seorang pun daripada kamu yang bersih (daripada perbuatan keji dan mungkar) selama-lamanya. Akan tetapi Allah membersihkan sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah itu Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.) [an-Nur: 21]

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Perkara yang paling berbahaya yang sering dilakukan oleh syaitan adalah menjatuhkan manusia ke dalam kesyirikan kerana dia mengetahui bahawa Allah tidak akan mengampuni (dosa syirik) selama-lamanya. Allah telah berfirman:

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنْ حُكْمٍ لِّلَّهِ إِنَّمَا يُؤْتَ الْحِكْمَةَ لِيُنذِّرَ بِمَا نَهَىٰ وَلِمَنْ يَرَىٰ فِي هُنَافِرِ الْأَرْضِ وَالْمُنْزَهُ عَنِ الْأَنْجَانِ

(Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa orang yang melakukan syirik dan Dia mengampuni dosa selain syirik bagi sesiapa yang dikehendakiNya.) [an-Nisa': 48]

Ketahuilah saudaraku yang mulia bahawa syaitan tidak akan datang mengajak kita secara langsung ke arah perbuatan syirik, tetapi syaitan berusaha menghiasi perbuatan-perbuatan tersebut agar membawa kepada syirik.

Bermulanya kesyirikan terhadap kaum Nuh – 'alaihi as-salam- adalah ketika mana hamba-hamba yang soleh daripada kalangan mereka meninggal dunia lalu syaitan menghasut mereka agar melukis gambar hamba-hamba yang soleh tersebut supaya apabila mereka melihat gambar-gambar tersebut, mereka segera teringatkan ilmu dan amalan soleh yang diamalkan seterusnya bersemangat ke arah berbuat demikian.

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Kemudian datang generasi seterusnya lalu syaitan berkata kepada mereka: "Sesungguhnya nenek moyang kalian melakukan hal tersebut (melukis gambar hamba-hamba yang soleh) semata-mata untuk meminta pertolongan apabila ditimpa musibah, dan meminta perlindungan kepada mereka apabila ditimpa kejahanatan". Demikianlah syaitan terus-menerus menghasut mereka untuk melakukan hal tersebut sehingga akhirnya mereka menyembah hamba-hamba yang soleh itu dan tidak lagi menyembah Allah.

Seringkali terjadi di kalangan masyarakat -disebabkan kejihilan mereka- perkara-perkara besar yang menyebabkan mereka terjatuh ke dalam lembah syirik, namun mereka tidak menyadarinya. Contohnya perkataan sebahagian manusia: "Ya Sayyid Hussin, ya Zainab, ya Badawi, ya Matbuli⁽²¹⁾ atau ya sayyid fulan, berikanlah aku pertolongan", atau "aku berlindung kepadamu", atau "sembuhkanlah penyakitku", atau "kembalikanlah barangku yang hilang", atau "berikanlah aku seorang anak" atau "bantulah aku terhadap musuh-musuhku dan terhadap orang yang menzalimiku".

⁽²¹⁾ Nama-nama ini adalah nama hamba-hamba yang soleh yang telah meninggal dunia

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Lebih parah dari itu, perbuatan-perbuatan sebahagian manusia sujud di perkuburan atau menganggap solat di kubur adalah perbuatan yang mulia serta beranggapan bahawa menghadap ke arah kubur lebih utama daripada menghadap kiblat, bahkan menganggap bahawa tawaf di kubur lebih baik daripada tawaf di Ka'abah. Kesemuanya ini wahai saudara sudah amat jelas termasuk di dalam perkara-perkara yang syirik.

Semua ini -semoga Allah memelihara saudara- adalah hal-hal yang jelas merupakan syirik di dalam agama Allah. Bagaimana mungkin seorang yang berakal meminta perlindungan atau pertolongan kepada orang yang telah mati yang seandainya dia (si mati) memiliki kekuasaan terhadap dirinya, pasti dia tidak akan mati. Dan apakah wali atau orang soleh tersebut lebih agung daripada Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam-? Belum pernah ada satu makhluk pun yang berpijak di bumi dan berpayungkan langit lebih baik daripada baginda?! Allah telah berfirman:

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

قَرِئَ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ أَنَّهُمْ لَا يَرْجِعُونَ
أَنَّهُمْ لَا يَرْجِعُونَ إِنَّمَا يَرْجِعُونَ مَا مَنَعُوهُمْ
أَوْ مَا حَصَدُوا إِنَّمَا يَرْجِعُونَ مَا حَصَدُوا وَمَا
لَا يَحِدُّونَ

(Katakanlah: Aku tidak berkuasa mendatangkan kemanfaatan bagi diriku dan tidak (pula) mampu menolak kemudaratan kecuali apa yang dikehendaki Allah, dan sekiranya aku mengetahui perkara-perkara ghaib, tentulah aku memperbanyakkan kebaikan untukku dan aku tidak akan ditimpa kemudaratan, aku tidak lain hanyalah pemberi peringatan dan pembawa berita gembira bagi kaum yang beriman.) [al-A`raaf: 188]

Dan Allah juga telah berfirman:

إِنَّمَا يَرْجِعُونَ مَا حَصَدُوا وَمَا لَا يَحِدُّونَ
أَوْ مَا حَصَدُوا إِنَّمَا يَرْجِعُونَ مَا حَصَدُوا وَمَا لَا

(Katakanlah: Sesungguhnya aku tidak berkuasa mendatangkan sebarang kemudaratan kepada kamu semua bahkan tidak (jua) sebarang kemanfaatan. Katakanlah: Sesungguhnya tiada seorang pun yang dapat

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

melindungiku daripada (azab) Allah dan tidak sekali-kali beroleh tempat perlindungan selain daripadanya.) [al-Jin: 21-22]

kemudian dia menuju ke masjid melainkan Allah menetapkan bagi setiap langkahnya satu kebaikan dan Allah mengangkatnya dengan satu darjat serta Allah hapuskan baginya satu kesalahan. Dan sesungguhnya aku menyaksikan bahawa tiada seorang pun di antara kami yang meninggalkannya melainkan orang munafik yang diketahui kemunafikannya. Dan sesungguhnya seorang lelaki didatangkan dengan dipapah oleh dua orang lelaki supaya dia dapat berdiri di dalam saf.))⁽³⁶⁾

Begin juga di dalam Sahih Muslim daripada hadis Abu Hurairah –radhiyallahu 'anhu- bahawa beliau berkata:

((أَتَى النَّبِيُّ رَجُلٌ أَعْمَى فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهُ لَيْسَ لِي قَائِدٌ يَلْازِمُنِي إِلَى الْمَسْجِدِ فَهَلْ لِي رِحْصَةٌ أَنْ أَصْلِيَ فِي بَيْتِي؟ فَقَالَ: هَلْ تَسْمَعُ النِّدَاءَ بِالصَّلَاةِ؟ قَالَ: نَعَمْ قَالَ: فَأَحْبُّ))

((Seorang lelaki buta datang kepada Nabi - sallallahu 'alaihi wa sallam-. Kemudian dia berkata: "Wahai Rasulullah, aku tidak mempunyai sesiapa yang dapat menghantarku ke masjid. Adakah aku diberi keringanan untuk

⁽³⁶⁾ Lihat: Sahih Muslim (654)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

solat di rumahku?" Maka Nabi -sallalLahu 'alaihi wa sallam- bertanya kepadanya: "Adakah kamu mendengar azan?", dia menjawab: "Ya". Baginda -sallalLahu 'alaihi wa sallam- kemudian bersabda: "Penuhilah seruan azan itu".))⁽³⁷⁾

Saudaraku yang mulia, perhatikanlah hadis ini! Meskipun Nabi -sallalLahu 'alaihi wa sallam-sangat sayang dan kasih terhadap umatnya namun baginda tidak memberikan keringanan kepada orang buta itu. Cukuplah ini sebagai dalil wajibnya menuaikan solat secara berjemaah.

Wahai saudaraku yang mulia, maka wajib bagi anda untuk mengambil berat tentang perkara ini dan bersegera melaksanakannya serta saling berwasiat untuk melakukannya bersama anak-anak, keluarga, jiran serta seluruh kaum muslimin dalam rangka melaksanakan perintah Allah dan RasulNya, di samping itu perlu ditinggalkan segala larangan Allah dan RasulNya serta menjauhkan diri daripada menyerupai orang munafik.

Semoga Allah memberikan taufikNya kepada kita semua dalam melaksanakan apa yang

⁽³⁷⁾ Lihat: Sahih Muslim (653)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

dicintai dan diredhainya, mudah-mudahan Allah melindungi kita semua daripada kejahanan diri kita dan keburukan amalan kita. Sesungguhnya Allah Maha Pemurah lagi Maha Mulia.

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

RISALAH KETUJUH

Wahai saudaraku seagama, akibat daripada kelemahan iman dan kekurangan ilmu, maka terdapat kelompok daripada kalangan umat Islam yang mengeruhkan kejernihan hidup mereka dan juga merosakkan agama serta dunia mereka dengan pelbagai tindakan yang keji. Sedangkan ia merupakan perkara yang dimusuhi dan diperangi oleh umat Islam pada waktu kegemilangannya. Antara perkara keji tersebut ialah (mengamal) sihir dan (mengunjungi serta mempercayai) tukang sihir.

Wahai saudaraku yang mulia -semoga Allah memelihara anda daripada segala kejahatan-, sihir termasuk di dalam kategori dosa besar. Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- telah menggandingkannya dengan amalan syirik. Sabda Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam-:

((اجتنبوا السبع الموبقات: الشرك بالله والسحر...))

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

((Jauhilah tujuh perkara yang membinaaskan:
Syirik kepada Allah dan sihir ...))⁽³⁸⁾

Bahkan Nabi -sallalLahu 'alaihi wa sallam- telah berlepas diri daripada setiap tukang sihir. Baginda memberitahu bahawa tukang sihir tidak termasuk di dalam golongan umat ini. Diriwayatkan daripada Imran ibn Husain bahawa Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- telah bersabda:

((لَيْسَ مِنَ النَّاسِ مَنْ تَطَهَّرَ لَهُ، أَوْ تَكَهُنَّ أَوْ تَكَهُنَّ لَهُ، أَوْ سَحَرَ أَوْ سَحَرَ لَهُ))

((Bukan daripada golongan kami orang yang meramal atau memohon diramal, menenung nasib atau minta ditenung, melakukan sihir atau meminta dilakukan sihir.))⁽³⁹⁾

Sesungguhnya membenarkan sihir boleh menyebabkan kepada kekufuran -semoga Allah melindungi kita daripadanya-. Ibnu Mas'ud – radhiyallahu 'anhu- berkata: "Sesiapa yang mendatangi peramal, tukang sihir atau dukun kemudian dia membenarkan apa yang dikatakan

⁽³⁸⁾ Riwayat Bukhari (5/49) dan Muslim (89) dari hadis Abu Hurairah

⁽³⁹⁾ Hadis Hasan. Lihat: Zawaid al-Bazzar (m.s. 169)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

mereka, maka dia telah mengkafirkan apa yang telah diturunkan kepada Muhammad."⁽⁴⁰⁾

Wahai saudaraku yang mulia, hukuman yang telah ditetapkan ke atas tukang sihir ialah dibunuh dengan pedang sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Bajalah ibn 'Abadah bahawa beliau berkata: "Umar ibn al-Khattab telah menetapkan supaya dibunuh setiap tukang sihir lelaki dan perempuan." Kemudian beliau berkata: "Maka kami pun membunuh tiga orang tukang sihir."⁽⁴¹⁾

Diriwayatkan daripada Jundub ibn Junadah bahawa beliau berkata: "Hukuman bagi tukang sihir ialah dibunuh dengan pedang."⁽⁴²⁾

Wahai saudaraku yang mulia, Ketahuilah bahawa memohon penyembuhan daripada Allah hendaklah dengan perkara yang bukan

⁽⁴⁰⁾ al-Munziriyy berkata di dalam at-Targhib (4/53) bahawa sanad hadis ini baik. Al-Haithami juga berkata: "Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bazzar melalui perawi-perawi yang sahih (berdasarkan syarat yang ketat iaitu perawi tersebut mesti thiqah dan mempunyai sifat-sifat sahih yang lain) melainkan Hubairah ibn Maryam hanya sekadar seorang perawi yang thiqah." Lihat: Mujamma' az-Zawaid (5/118)

⁽⁴¹⁾ Riwayat Ahmad (1/190).

⁽⁴²⁾ Riwayat Malik (Lihat: al-Muwatta' [2/871]) dan at-Tirmizi (1460)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

bertentangan dengan perintahNya seperti datang kepada tukang sihir, dukun atau peramal. Sesungguhnya yang menyembuhkan hanyalah Allah. Dan Allah tidak menjadikan penyembuhan seseorang daripada umat ini pada perkara yang diharamkanNya sebagaimana yang diberitahu oleh Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam-. Antara cara untuk menyembuhkan dari daripada bencana sihir -semoga Allah melindungi kita daripadanya- ialah:

1. Membakar, menanam atau memusnahkan semua benda yang menyebabkan terjadinya sihir jika dia memperolehi barang-barang sihir tersebut sepertimana yang dilakukan oleh Nabi -sallalLahu 'alaihi wa sallam-.⁽⁴³⁾
2. Antara penyembuh yang paling berkesan ialah dengan menggunakan ruqyah (bacaan yang dibenarkan) daripada al-Quran dan doa-doa Nabi -sallalLahu 'alaihi wa sallam-. Antara ruqyah tersebut ialah membaca surah al-Fatiha, ayat Kursi, surah al-Falaq dan surah an-Nas.

⁽⁴³⁾ Riwayat Bukhari (10/21) dan Muslim (2189)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Antaranya bacaan yang dibacakan oleh Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- kepada Hasan dan Husin ialah:

((أَعِنْدُكُمَا بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَهَامَّةٍ، وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَامَّةٍ))

((Aku memperlindungkan kamu berdua dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna daripada setiap syaitan dan segala racun yang mematikan serta daripada setiap 'ain (pandangan mata) yang dengki [membinasakan].))⁽⁴⁴⁾

Sabda Baginda -sallalLahu 'alaihi wa sallam-:

((بِسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ وَاللَّهُ يَشْفِيكَ مِنْ كُلِّ دَاءٍ يُؤْذِيكَ))

((Dengan nama Allah aku membaca kepadamu dan Allah yang menyembuhkanmu daripada segala penyakit yang menyakitkanmu.))⁽⁴⁵⁾

⁽⁴⁴⁾ Riwayat Bukhari (6/292), at-Tirmizi (2061), Ibnu Majah (3525) dan Imam Ahmad (1/236)

⁽⁴⁵⁾ Riwayat Muslim (2186)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Sabda Baginda -sallalLahu 'alaihi wa sallam-:

((أَسْأَلُ اللَّهَ الْعَظِيمَ رَبَّ الْعَرْشِ الْكَرِيمَ أَنْ يُشْفِيكَ))

((Aku memohon kepada Allah yang Maha Agung, Tuhan 'arasy yang Mulia agar Dia menyembuhkanmu.))⁽⁴⁶⁾ Baginda membaca sebanyak tujuh kali.

Sabda Baginda -sallalLahu 'alaihi wa sallam- lagi:

((اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ أَذْهِبْ لِبَاسَ، وَاشْفُ أَنْتَ الشَّافِي، لَا شِفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ شِفَاءً لَا يُغَادِرُ سَقَمًا))

((Hilangkan penyakit ini wahai Tuhan sekalian manusia, sembahukanlah kerana sesungguhnya Engkau yang menyembuhkan, tiada kesembuhan melainkan dengan kesembuhanMu, kesembuhan yang tidak meninggalkan sebarang penyakit.))⁽⁴⁷⁾

Dan antara perkara yang paling besar yang dapat melindungi diri daripada

⁽⁴⁶⁾ Riwayat Abu Daud (3106) dan at-Tirmizi (2084)

⁽⁴⁷⁾ Riwayat Bukhari (10/176) dan Muslim (2191)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

segala gangguan -dengan izin Allah Ta'ala- ialah dengan sentiasa mengamalkan zikir pagi dan petang yang merupakan ayat-ayat al-Qur'an dan juga hadis-hadis sahih daripada Nabi - sallalLahu 'alaihi wa sallam-.⁽⁴⁸⁾

3. Di antara sebab yang paling berkesan untuk melindungi diri daripada sihir ialah dengan berterusan melakukan ketaatan serta ibadah. Sesungguhnya kebanyakan manusia gemar bertangguh-tangguh dan mengabaikan perintah Allah serta melanggar larangan Allah. Kemudian apabila dia ditimpa suatu penyakit, maka dia mula mengingati TuhanYa. Sesungguhnya Rasulullah - sallalLahu 'alaihi wa sallam- telah bersabda di dalam wasiatnya kepada Ibnu 'Abbas:

((تَعْرِفُ إِلَيْهِ فِي الرَّحَاءِ بِعِرْفَكَ فِي الشَّدَّةِ))

⁽⁴⁸⁾ Rujuk kepada kitab-kitab zikir antaranya: al-Kalim at-Tayyib atau Sahih al-Kalim at-Tayyib

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

((Kenalilah Allah pada waktu senang nescaya Allah akan mengenalmu pada waktu susah.))⁽⁴⁹⁾

Lalu sesiapa yang mendekatkan diri kepada Allah pada waktu sihat dan kuatnya, maka Allah akan dekat kepadanya pada waktu sakit dan lemahnya.

⁽⁴⁹⁾ Riwayat Imam Ahmad (1/307)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

RISALAH KELAPAN

Wahai saudaraku yang mulia -semoga Allah memelihara anda-, adakah anda mengetahui bahawa antara amalan yang paling hebat dan yang paling dicintai oleh Allah dan RasulNya adalah akhlak yang mulia?

Di dalam sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Sa'ad ibn Abi Waqqas, Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- telah bersabda:

((إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ مَعَالِيَ الْأَخْلَاقِ وَيَكْرَهُ سَفَاسِفَهَا))

((Sesungguhnya Allah menyukai akhlak yang mulia dan membenci akhlak yang rendah (hina).))⁽⁵⁰⁾

Adakah anda mengetahui apakah yang dimaksudkan dengan akhlak yang baik? Imam Abdullah ibn Mubarak telah memberikan pengertiannya kepada kita dengan berkata: "Ia adalah wajah yang manis, membuat kebaikan dan menghalangi kejahanan."

⁽⁵⁰⁾ Riwayat al-Hakim. Lihat: Sahih al-Jami'(1885)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Saudaraku yang mulia, sesungguhnya kita sedang menempuh zaman keruntuhan akhlak ketika mana akhlak yang disyariatkan oleh Islam telah lenyap daripada ramai orang yang baik. Bahkan ada yang menganggap bahawa ia termasuk di dalam perkara yang tidak wajib dilaksanakan.

Sesungguhnya akhlak mempunyai tempat dan kedudukan yang sangat tinggi di dalam Islam. Tidakkah anda mengetahui -wahai saudaraku yang mulia- bahawa Nabi kita -sallalLahu 'alaihi wa sallam- telah bersabda:

((إِنَّمَا بُعْثُتُ لِأَنَّمِّمْ صَالِحُ الْأَخْلَاقِ))

((Sesungguhnya aku diutuskan semata-mata untuk menyempurnakan akhlak yang baik.))⁽⁵¹⁾

Di dalam riwayat yang lain:

((إِنَّمَا بُعْثُتُ لِأَنَّمِّمْ مَكَارِمُ الْأَخْلَاقِ))

((Sesungguhnya aku diutuskan semata-mata untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.))

⁽⁵¹⁾ Hadis Sahih. Riwayat Bukhari, al-Hakim dan al-Baihaqi daripada hadis Abu Hurairah. Lihat: Sahih al-Jami' (2345)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Seolah-olah Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- telah menghadkan tujuan perutusannya hanya untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.

Sesungguhnya akhlak yang mulia mampu mencetuskan beberapa perkara yang besar, antaranya:

1. Kebajikan hanyalah terlaksana dengan akhlak yang mulia. Diriwayatkan daripada an-Nawwas ibn Sam'an bahawa beliau berkata: "Aku bertanya kepada Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam-tentang kebajikan dan dosa." Maka Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam-menjawab:

((الْبَرُّ حُسْنُ الْخُلُقِ، وَالْإِثْمُ مَا حَانَ فِي نَفْسِكَ وَكَرِهَتْ أَنْ يَطْلُعَ
عَلَيْهِ النَّاسُ))

((Kebajikan itu adalah akhlak yang mulia, dan dosa itu adalah apa yang tercetus di dalam dadamu sedangkan kamu tidak suka ia diketahui oleh orang lain.))⁽⁵²⁾

⁽⁵²⁾ Riwayat Muslim (2553)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

2. Akhlak yang mulia merupakan antara amalan yang paling banyak memasukkan seseorang ke dalam syurga sepetimana yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah bahawa beliau berkata: "Ditanya kepada Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- tentang amalan yang paling banyak menyebabkan manusia masuk ke dalam syurga. Maka Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- menjawab: ((Bertakwa kepada Allah dan akhlak yang mulia.)) Kemudian baginda ditanya tentang perkara yang paling banyak menyebabkan manusia masuk ke dalam neraka. Maka Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- menjawab: ((Mulut dan kemaluan.))"⁽⁵³⁾

3. Akhlak yang mulia merupakan amalan kebijakan yang paling berat timbangannya pada hari akhirat. Diriwayatkan daripada Abu Darda' bahawa Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- bersabda:

⁽⁵³⁾ Riwayat Ahmad (2/291), at-Tirmizi (2005) dan Ibnu Majah (4236)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

((ما من شيء أثقل في ميزان المؤمن يوم القيمة من حسن
الخلق، وإن الله يُغض الفاحش البذيء))

((Tiada sesuatu yang lebih berat dalam timbangan kebaikan seorang mukmin pada hari kiamat daripada akhlak yang baik. Dan sesungguhnya Allah amat membenci orang yang bersifat keji dan suka bercakap kotor.))⁽⁵⁴⁾

4. Sesiapa yang berakhhlak mulia maka Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam telah menjamin baginya sebuah rumah di dalam syurga yang paling tinggi.

Diriwayatkan daripada Abu Umamah bahawa Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- bersabda:

((أَنَا زَعِيمٌ بِبَيْتٍ فِي رَبْضِ الْجَنَّةِ لِمَنْ تَرَكَ الْمِرَاءَ وَإِنْ
كَانَ مُحَقًّا، وَبَيْتٍ فِي وَسْطِ الْجَنَّةِ لِمَنْ تَرَكَ الْكَذَبَ وَإِنْ
كَانَ مَا زَحَّاً، وَبَيْتٍ فِي أَعْلَى الْجَنَّةِ لِمَنْ حَسُنَ خَلْقُه))

⁽⁵⁴⁾ Riwayat Ahmad (6/442, 446, 448), at-Tirmizi (2005) dan Abu Daud (4799)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

((Aku menjamin sebuah rumah di dalam syurga yang paling bawah bagi orang yang meninggalkan pertengkaran walaupun dia berada di pihak yang benar, dan aku menjamin sebuah rumah di dalam syurga yang tengah bagi orang yang meninggalkan penipuan walaupun dia hanya bergurau, dan aku menjamin sebuah rumah di dalam syurga yang paling tinggi bagi orang yang berakhlak mulia.))⁽⁵⁵⁾

5. Orang yang berakhlak mulia mampu mencapai kedudukan seorang yang berpuasa dan bangun malam (dengan bersolat). Diriwayatkan daripada 'Aisyah – radhiyalLahu 'anha- bahawa dia berkata: "Aku mendengar Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- bersabda:

((إِنَّ الْمُؤْمِنَ لِيُدْرِكَ بِحُسْنِ خَلْقِهِ دَرْجَةَ الصَّائِمِ الْقَائِمِ))

((Sesungguhnya seorang mukmin dapat mencapai kedudukan orang yang berpuasa dan bangun malam (dengan

⁽⁵⁵⁾ Riwayat Abu Daud (4800)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

bersolat) dengan akhlaknya yang baik.)⁽⁵⁶⁾

6. Orang yang paling dekat kedudukannya dengan Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- pada hari akhirat nanti ialah mereka yang berakhhlak dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Diriwayatkan daripada Jabir bahawa Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- bersabda:

((إِنَّمَا أُحِبُّ مَنْ أَقْرَبَهُ مِنِي مَجْلِسًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ
أَحَاسِنَكُمْ أَخْلَاقًا، وَإِنَّمَا أَبْغُضُ مَنْ أَقْرَبَهُ مِنِي مَجْلِسًا
يَوْمَ الْقِيَامَةِ الشَّرَّارُونَ وَالْمُتَشَدِّقُونَ))

((Sesungguhnya orang yang paling aku cintai dan paling dekat kedudukannya di sisiku pada hari kiamat ialah orang yang paling baik akhlaknya, dan sesungguhnya orang yang paling aku benci dan jauh kedudukannya daripadaku pada hari kiamat ialah orang yang

⁽⁵⁶⁾ Riwayat Abu Daud (4789) dan Ibnu Hibban (1927)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

berlebih-lebihan serta sombong di dalam percakapannya.))⁽⁵⁷⁾

7. Akhlak yang terpuji merupakan sifat golongan yang terbaik dan mulia kalangan umat ini. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim daripada Abdullah ibn Amru ibn al-Ass bahawa Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- telah bersabda:

((إِنَّ مِنْ خَيْرِكُمْ أَحْسَنُكُمْ خُلُقًا))

((Sesungguhnya orang yang terbaik di kalangan kamu ialah yang paling baik akhlaknya.))⁽⁵⁸⁾

Saudaraku yang mulia, dapatkah anda bayangkan seorang muslim yang membenci akhlak yang baik setelah dia mengetahui kedudukan dan kelebihannya? Tentu sahaja tidak.

Bagaimanakah seorang muslim membenci akhlak yang baik sedangkan dia mencintai kedudukan yang tinggi dan mengharapkan

⁽⁵⁷⁾ Riwayat at-Tirmizi (2019)

⁽⁵⁸⁾ Riwayat Bukhari (Lihat: Fath al-Bari [8/507]) dan Muslim (2853)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

kedudukan di sisi Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- serta berusaha berakhlak dengan akhlak baginda?

Di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim daripada Anas bahawa beliau berkata:

((كان رسول الله صلى الله عليه وسلم أحسن الناس حلقاً))

"Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- merupakan orang yang paling baik akhlaknya."⁽⁵⁹⁾

Dan di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim juga daripada Abdullah ibn Amru ibn al-'Ass bahawa beliau berkata:

((لم يكن النبي صلى الله عليه وسلم فاحشاً ولا مُفْحَشًا))

"Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- tidak bersifat keji dan tidak melakukan perbuatan yang keji."⁽⁶⁰⁾

Saudaraku yang mulia, sesungguhnya faedah daripada akhlak yang mulia dan kelebihan serta keutamaannya yang telah anda ketahui akan

⁽⁵⁹⁾ Riwayat Bukhari (Lihat: Fath al-Bari [10/480]) dan Muslim (2150)

⁽⁶⁰⁾ Riwayat Bukhari (Lihat: Fath al-Bari [10/378]) dan Muslim (2321)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

kembali kepada anda. Dan balasan untuk sesuatu amalan akan diberikan berdasarkan jenis amalan tersebut.

Sesiapa yang berakhlak pengasih, maka dia akan mendapat rahmat daripada Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Di dalam hadis sahih diriwayatkan bahawa Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- bersabda:

((رَحْمَوْا مَنْ فِي الْأَرْضِ بِرَحْمَةٍ مِّنْ فِي السَّمَاوَاتِ))

((Rahmatilah (makhluk) yang berada di muka bumi ini, nescaya kamu akan dirahmati oleh (Allah) yang berada di langit.))⁽⁶¹⁾

Dan diriwayatkan oleh at-Tabrani dengan sanad hasan:

((وَإِنَّمَا يَرْحَمُ اللَّهُ مِنْ عِبَادِهِ الرَّحْمَاءِ))

((Sesungguhnya Allah hanya merahmati hambaNya yang bersifat penyayang.))⁽⁶²⁾

⁽⁶¹⁾ Riwayat at-Tabrani dan al-Hakim. Lihat: Sahih al-Jami'

(909)

⁽⁶²⁾ Lihat: Sahih al-Jami' (2377)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Dan daripada Abdullah ibn 'Amru bahawa Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- bersabda:

((الراحمون يرحمهم الرحمن تبارك وتعالى، ارحموا من في الأرض
يرحمسن من في السماء))

((Orang yang bersifat penyayang akan disayangi oleh Allah yang Maha Penyayang. Rahmatilah (makhluk) yang berada di muka bumi nescaya kamu akan dirahmati oleh (Allah) yang berada di langit.))⁽⁶³⁾

Dan sebaliknya sesiapa yang tidak menyayangi maka dia tidak akan disayangi. Imam al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan daripada Jarir ibn Abdullah bahawa Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- bersabda:

((من لا يرحم الناس لا يرحمه الله))

((Sesiapa yang tidak menyayangi manusia maka dia tidak akan disayangi oleh Allah.))⁽⁶⁴⁾

⁽⁶³⁾ Riwayat Abu Daud (4941) dan at-Tirmizi(1924). Lihat: Sahih al-Jami' (3516)

⁽⁶⁴⁾ Riwayat Bukhari (Lihat: Fath al-Bari [10/378]) dan riwayat Muslim (m.s. 2321)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Oleh itu, jika anda merindui rahmat Allah, maka hendaklah anda merahmati diri anda dan orang lain serta jangan mementingkan diri sendiri. Rahmatilah orang yang jahil dengan ilmu anda, rahmatilah orang yang hina dengan kemuliaan anda, rahmatilah orang yang miskin dengan harta anda, rahmatilah orang yang tua dan kanak-kanak dengan kasih-sayang dan kelembutan anda, rahmatilah orang yang membuat maksiat dengan doa anda dan rahmatilah haiwan ternakan dengan kelembutan anda. Sesungguhnya orang yang paling dekat dengan rahmat Allah ialah orang yang paling menyayangi makhluk-makhlukNya.⁽⁶⁵⁾

Perhatikanlah akhlak dalam memberikan nasihat kepada kaum muslimin. Diriwayatkan di dalam sahih Bukhari dan Muslim bahawa Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- bersabda:

((من كان في حاجة أخيه فإن الله في حاجته))

((Sesiapa yang menunaikan hajat saudaranya maka Allah akan menunaikan hajatnya.))

⁽⁶⁵⁾ Lihat: al-Jaza' min Jins al-'Amal (2/116)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Benar! Ia merupakan balasan yang setimpal. Maka jika anda menunaikan keperluan saudara sesama Islam dan membantunya, maka Allah yang Maha Tinggi dan Maha Berkuasa akan membantu anda untuk menunaikan keperluan anda. Dan sesungguhnya balasan itu setimpal dengan jenis amalan.

Seterusnya Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- bersabda:

((من ستر أخاه المسلم في الدنيا ستره الله يوم القيمة))

((Sesiapa yang menutup aib saudaranya seorang muslim di dunia, maka Allah akan menutup aibnya pada hari kiamat.))⁽⁶⁶⁾

Diriwayatkan di dalam Sahih Muslim:

((من نَفْسٍ عَنْ مُؤْمِنٍ كَرِبَةً مِنْ كَرْبَلَاءَ، نَفْسٌ اللَّهُ عَنْهُ كَرِبَةً مِنْ كَرْبَلَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ يَسِّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يُسِّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا، سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ، وَاللَّهُ فِي عَوْنَانِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنَانِ أَخِيهِ))

⁽⁶⁶⁾ Riwayat Bukhari (Lihat: Fath al-Bari [5/70]) dan Muslim (m.s. 2580)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

((Sesiapa yang membantu melepaskan suatu kesusahan yang dihadapi oleh seorang muslim di dunia, maka Allah akan melepaskan dia daripada kesusahan pada hari kiamat, dan sesiapa yang memudahkan seorang muslim daripada kesusahan, maka Allah akan memudahkan urusannya di dunia dan di akhirat, dan sesiapa yang menutup aib seorang muslim, maka Allah akan menutup aibnya di dunia dan di akhirat, dan Allah sentiasa membantu hambaNya selagimana dia membantu saudaranya.))⁽⁶⁷⁾

Saudaraku yang mulia, jika seseorang memerhatikan keadaan sebahagian jemaah haji, maka dia akan dapat melihat perkara-perkara yang menghairankan. Dia akan melihat penipuan, bukan kebenaran. Dia akan melihat kekasaran, bukan kasih-sayang. Dia akan melihat khianat, bukan amanah. Dia akan melihat kemarahan, bukan kesabaran dan kemaafan kepada manusia. Dia akan melihat kejahatan, bukan kebaikan. Dia akan melihat kebakhlilan, bukan kemurahan hati. Dia akan melihat sifat mementingkan diri sendiri dalam masalah tempat, makanan dan minuman, bukan sifat mengutamakan orang lain. Dia akan melihat

⁽⁶⁷⁾ Lihat: Sahih Muslim (m.s. 2699)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

kesombongan, bukan kerendahan hati. Dan dia akan melihat kezaliman, bukan keadilan.

Maka akan timbul persoalan di dalam dirinya: Adakah mereka ini orang Islam? Di manakah kesucian diri? Di manakah kejujuran? Di manakah rahmat terhadap orang yang lemah? Di manakah rasa kasihan terhadap orang yang miskin? Di manakah rasa cinta? Dan di manakah kasih-sayang sesama muslim?

Saudaraku yang dikasihi, anda pasti dapat melihat orang yang berperangai buruk. Anda akan mendapati orang bersesak-sesak ketika menunaikan haji. Anda akan mendapati ada orang yang menyakiti anda ketika tawaf dan sa'ie, dan ada juga orang yang menyakiti anda dengan bau busuk daripada rokok. Mereka tidak menghormati ibadah haji anda. Anda juga mungkin berhadapan dengan orang yang bercakap dengan perkataan kesat, dan anda juga akan melihat orang yang tidak menghormati tempat-tempat suci serta tidak kisah dengan kemuliaan dan kesuciannya sama ada secara zahir seperti membuang sampah merata-rata, atau pun secara batin seperti melakukan maksiat, bid'ah dan kerosakan.

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Apakah sikap kita terhadap mereka? Adakah kita perlu membalaaskan kejahanatan mereka dengan kejahanatan dan bertindak membalaaskan dendam terhadap mereka? Jika kita melakukan hal tersebut maka kita tidaklah berbeza dengan mereka. Bahkan kita telah menyertai mereka dalam menyebarkan tingkah-laku yang buruk pada tempat yang suci dan waktu yang mulia.

Sesungguhnya menjadi kewajipan kita semua untuk berhadapan dengan mereka dengan mengikut cara yang telah ditetapkan oleh Allah iaitu dengan memaafkan dan membalaaskan tingkah-laku yang buruk dengan akhlak yang mulia. Firman Allah -Ta'ala-:

• fā † # 3A \$Y9\$Cā lūū\$e@# rá o@SūW@»6 @ a

á CHÍÈ ŠU ŪŁA ŚBOS

(... Dan orang yang menahan kemarahannya serta memaafkan (kesalahan) manusia, Allah menyukai orang yang membuat kebaikan.) [Ali-Imran: 134]

Firman Allah –Ta'ala- ketika menerangkan sifat-sifat orang yang beriman:

á CEEÍSÍÓKDA NÓMÁRTHÉRY 95001 108 SC RAI ÓSFR Á

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

(... Dan menolak kejahatan dengan kebaikan, merekalah yang mendapat kesudahan yang baik.) [ar-Ra'd: 22]

Allah berfirman:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ إِنَّمَا تُنذَّرُ أَنَّمَا يَعْلَمُ فِي الْأَوْلَىٰ مِنْ أَنَّمَا يَعْلَمُ فِي الْآخِرَةِ وَالْأَوْلَىٰ أَكْثَرُهُ مَا يَعْلَمُ

إِنَّمَا تُنذَّرُ أَنَّمَا يَعْلَمُ فِي الْآخِرَةِ وَالْأَوْلَىٰ أَكْثَرُهُ مَا يَعْلَمُ

(Dan tidaklah sama kebaikan dengan kejahatan, tolaklah (kejahatan itu) dengan cara yang lebih baik, maka tiba-tiba (mereka) yang ada permusuhan di antara kamu dengannya seolah-olah telah menjadi teman yang sangat setia.) [Fussilat: 34]

Imam Muslim meriwayatkan daripada Abu Hurairah -radhiyallahu 'anhu- bahawa Rasulullah -sallalahu 'alaihi wa sallam- telah bersabda:

((ما نقصتْ صدقةً من مال، وما زاد الله عبداً بعفوٍ إلا عِزّاً،

وما تواضعَ أحدٌ لله إلا رفعه الله))

((Sesungguhnya harta tidak berkurang dengan sedekah, dan sesungguhnya Allah tidak menambah bagi seorang hamba yang pemaaf melainkan kemuliaan, dan sesungguhnya

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

tidaklah seorang hamba merendahkan diri kepada Allah melainkan Allah mengangkat kedudukannya.))⁽⁶⁸⁾

Bukankah Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- merupakan teladan bagi kita? Bukankah Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- merupakan makhluk yang paling mulia dan terpuji? Namun demikian, Baginda tidak pernah menuntut balas hak-hak yang berkaitan dirinya. 'Aisyah –radhiyalLahu 'anha- telah berkata:

((وَمَا انتَقِمْ رَسُولُ اللَّهِ لِنَفْسِهِ قَطُّ، إِلَّا أَنْ تُنْتَهَىَ حُرْمَةُ اللَّهِ فَيَنْتَقِمْ اللَّهُ تَعَالَى))

"Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- tidak pernah menuntut balas untuk dirinya melainkan hak-hak Allah yang dilanggar, maka dia akan menuntutnya kerana Allah."⁽⁶⁹⁾

Diriwayatkan di dalam Sahih Muslim bahawa Aisyah –radhiyalLahu 'anha- juga berkata:

((وَمَا نَبَلَّ مِنْهُ شَيْءٌ قَطُّ فَيَنْتَقِمْ مِنْ صَاحِبِهِ))

⁽⁶⁸⁾ Lihat: Sahih Muslim (m.s. 2588)

⁽⁶⁹⁾ Sahih Bukhari (6126) dan Muslim (2327)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

"Tidak pernah sekalipun Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- diambil haknya kemudian baginda menuntut balas (terhadapnya)." ⁽⁷⁰⁾

Diriwayatkan juga daripada Anas ibn Malik radhiyalLahu 'anhu- bahawa beliau berkata:

((كنت أمشي مع رسول الله i وعليه رداء نجراي غليظ الحاشية
فأدركته أعرابي فجذبه بردائه جبدة شديدة، فنظرت إلى صفحة عنق
رسول الله i وقد أثثت بها حاشية الرداء من شدة جبنته، ثم قال:
يا محمد مُرْ لِي مِنْ مَالِ اللَّهِ الَّذِي عَنْدَكَ، فالتَّفَتَ إِلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ i
فضحكت ثم أمر له بقطاء))

"Pada suatu ketika aku berjalan bersama Nabi -sallalLahu 'alaihi wa sallam-. Pada ketika itu baginda memakai burdah (jubah) buatan Najran yang kasar. Maka seorang arab badawi mengikuti baginda dan menarik burdah tersebut dengan kasar. Maka aku dapat melihat kesan tarikan tersebut pada leher Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam-. Kemudian dia berkata: "Wahai Muhammad, perintahkanlah seseorang untuk memberikan kepadaku harta

⁽⁷⁰⁾ Sahih Muslim (2328)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

yang Allah jadikan di sisimu." Maka baginda berpaling kepada orang tersebut sambil tertawa dan baginda memerintahkan supaya permintaannya dipenuhi."⁽⁷¹⁾

Saudaraku yang mulia, jika begitu, mengapakah kita marah dengan sedikit kesilapan yang dilakukan oleh seorang muslim yang lain dan melatah dengan kesalahan yang datang daripada saudara kita serta kita menyerang mereka seolah-olah kita berada dalam pertempuran menentang musuh? Bukankah Allah telah berfirman:

اَنَّمَا يُحَرِّمُ اللَّهُ مَا يَرَى
وَمَا لَا يَرَى

(Sesungguhnya orang yang beriman itu bersaudara.) [al-Hujurat: 10]

Bukankah Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- sering bersabda:

⁽⁷¹⁾ Riwayat Bukhari (Lihat: Fath al-Bari [10/234]) dan Muslim (m.s. 1057)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

((مِثْلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَعَاوُفُهِمْ وَتَرَاحِمُهُمْ كَمِثْلِ الْجَسَدِ
الْوَاحِدِ، إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عَضْوٌ تَدَاعَى لِهِ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ
وَالْحَمَّ))

((Perumpamaan golongan yang beriman dalam cinta dan kasih-sayang mereka seumpama jasad yang satu, jika salah satu anggota merasa sakit, maka seluruh anggota yang lain turut tidak dapat tidur malam serta diselubungi demam.))⁽⁷²⁾

Jika kita tidak dapat berakhhlak dengan akhlak yang baik dan memelihara diri di tanah suci ini bahkan pada waktu yang mulia ini, bilakah lagi kita dapat berakhhlak dengan akhlak yang baik?

Maka hendaklah kita bersungguh-sungguh untuk melakukan kebaikan dan kebijakan serta berusaha memperbaikinya supaya Allah memberikan kita petunjuk ke arah jalan yang lurus. Allah –Ta'ala- telah berfirman:

⁽⁷²⁾ Riwayat Bukhari (Lihat: Fath al-Bari [10/367]) dan Muslim (m.s. 2586)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

يَعْلَمُ اللَّهُ أَكْبَرُ إِنَّمَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَزَّ ذَلِكُمْ مَا تَرَكُونَ

أَقْرَبُ الْمَوْلَى إِلَيْكُمْ مَا تَرَوُنَ

(Orang yang berjihad mencari keredhaan Kami nescaya Kami akan tunjukkan mereka jalan-jalan Kami, dan sesungguhnya Allah bersama orang yang membuat kebajikan.) [al-Ankabut: 69]

Semoga Allah memberikan anda petunjuk menuju perkara yang dicintai dan diredhaiNya dan juga memberikan keberkatan kepada anda di mana saja anda berada bahkan memulangkan anda kepada keluarga serta kembali ke negara anda dalam keadaan selamat dan gembira.

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

RISALAH KESEMBILAN

Wahai saudara-saudaraku yang mulia...
Wahai tetamu-tetamu Allah yang dihormati!

Seperti yang dimaklumi, antara sebab kemusnahan bangsa, kerosakan fitrah, keruntuhan rumahtangga, berleluasanya jenayah dan keadaan yang tidak aman adalah disebabkan (perkara yang besar) iaitu percampuran di antara lelaki dan perempuan di dalam pejabat, pasaraya, tempat hiburan, majlis serta acara-acara tertentu.

Sesungguhnya percampuran ini -yang merupakan pengaduan negara-negara kafir yang mengharap supaya ia dapat diselesaikan kerana ia mendorong kepada kecelakaan, kerosakan, penyimpangan, jenayah dan penyakit- telah diberikan peringatan oleh agama kita, dan Islam telah melarangnya dengan larangan yang paling jelas. Bahkan ia melarang daripada percampuran lelaki dan perempuan sehingga ketika berada di masjid yang merupakan tempat ibadah, zikir serta merupakan taman-taman syurga, yang mana manusia di dalamnya sentiasa sibuk beribadah kepada Allah dengan bermunajat, berdoa dan merendah diri kepadaNya.

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Siapakah golongan yang sentiasa berulang-alik ke masjid? Mereka merupakan golongan yang baik. Daripada Abu Hurairah –radhiyahLahu 'anhu- bahawa Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- telah bersabda:

((خَيْرُ صَفَوْفِ الرِّجَالِ أُولُهَا وَشُرُّهَا آخِرُهَا، وَخَيْرُ صَفَوْفِ النِّسَاءِ آخِرُهَا وَشُرُّهَا أُولُهَا))

((Sebaik-baik saf lelaki adalah yang paling hadapan dan seburuk-buruknya ialah yang paling belakang. Sebaik-baik saf perempuan ialah yang paling belakang dan seburuk-buruknya ialah yang paling hadapan.))⁽⁷³⁾

Kedua-dua saf ini merupakan seburuk-buruk saf kerana kedudukannya yang dekat antara satu sama lain. Bagaimana pula keadaannya dengan percampuran di tempat-tempat hiburan yang membawa bencana dan juga di majlis-majlis pada malam hari?

Bahkan sunnah Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- apabila selesai daripada solat dan ibadah ialah dengan menganjurkan supaya kaum lelaki duduk di dalam masjid terlebih dahulu

⁽⁷³⁾ Riwayat Muslim (440)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

sehingga keluar kaum wanita. Tujuannya ialah untuk mengelakkan pertembungan lelaki dan perempuan di jalanan.

Daripada Hind binti al-Harith al-Firasiyah memberitahu bahawa Ummu Salamah menghabarkannya:

((أَنَّ النِّسَاءَ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ كُنَّ إِذَا سَلَّمُوا مِنَ الصَّلَاةِ
قُمْنَ، وَبَثَتْ رَسُولُ اللَّهِ وَمَنْ صَلَّى مِنَ الرِّجَالِ مَا شَاءَ اللَّهُ، فَإِذَا
قَامَ رَسُولُ اللَّهِ قَامَ الرِّجَالُ))

"Sesungguhnya wanita-wanita pada zaman Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- terus beredar selesai sahaja mereka memberi salam, sedangkan Rasulullah dan kaum lelaki yang solat bersamanya duduk di tempat mereka sehingga waktu yang dikehendaki Allah, apabila Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- beredar maka kaum lelaki pun beredar sama.'⁽⁷⁴⁾

Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- juga telah memerintahkan seorang lelaki untuk meninggalkan jihad dan memerintahkannya untuk bermusafir dengan isterinya yang

⁽⁷⁴⁾ Riwayat an-Nasai'e (1333) dan asalnya di dalam Sahih Muslim

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

menunaikan haji semata-mata untuk mengelakkan percampuran wanita tersebut dengan lelaki-lelaki yang bukan mahramnya. Daripada Ibnu 'Abbas -radhiyahLahu 'anhuma-bahawa beliau mendengar Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- bersabda:

((لَا يَخْلُونَ رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ، وَلَا تَسافِرْنَ امْرَأَةٌ إِلَّا مَعَهَا مَحْرُمٌ،
فَقَامَ رَجُلٌ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ! أَكْتَبْتُ فِي غَزْوَةِ كَذَا وَكَذَا
وَخَرَجْتُ امْرَأَتِي حَاجَةً، قَالَ: اذْهَبْ فَحُجُّكَ مَعَ امْرَأَتِكَ))

((Janganlah seorang lelaki bersunyi-sunyian dengan seorang perempuan, dan jangan pula sesekali seorang perempuan bermusafir melainkan bersama mahramnya. Maka seorang lelaki berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku telah diwajibkan untuk menyertai peperangan sedangkan isteriku telah keluar menunaikan haji? Maka Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- menjawab: Pergilah dan tunaikeanlah haji bersama isterimu.))⁽⁷⁵⁾

Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- juga telah melarang golongan lelaki untuk mendatangi golongan wanita walaupun lelaki yang datang itu

⁽⁷⁵⁾ Riwayat Bukhari (3006) dan Muslim (1341)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

merupakan saudaranya jika dia bukan mahramnya (kepada wanita itu). Daripada 'Uqbah ibn 'Amir bahawa Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- telah bersabda:

((إِيَّاكُمْ وَالدُّخُولُ عَلَى النِّسَاءِ، فَقَالَ رَجُلٌ مِّن الْأَنْصَارِ: يَا

رَسُولَ اللَّهِ أَفْرَأَيْتَ الْحَمْوَ؟ قَالَ: الْحَمْوُ الْمَوْتُ))

((Janganlah kamu menghampiri kelompok kaum wanita. Maka seorang lelaki daripada Ansar berkata: Wahai Rasulullah, bagaimana pula dengan ipar? Maka Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- menjawab: Sesungguhnya ipar itu kematian.))⁽⁷⁶⁾

"الْحَمْو" di dalam hadis tersebut bermaksud saudara suami (ipar). Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- telah menyamakan kedatangan ipar kepada perempuan yang bukan mahramnya sebagai kematian disebabkan bahaya yang sangat besar dan kesan yang sangat buruk. Sedangkan ipar dianggap sebagai tempat untuk berlindung pada pandangan kebanyakan manusia.

⁽⁷⁶⁾ Riwayat Bukhari (5232) dan Muslim (2172)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Begitu juga, perbuatan maksiat -yang disebabkan oleh keadaan lelaki yang bukan mahram bersunyi-sunyian dengan perempuan-kemungkinan akan terjadi walaupun lelaki tersebut merupakan lelaki yang baik.

Sabda Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam-:

((لَا يَخْلُونَ أَحَدُكُمْ بِامْرَأَةٍ فَإِنَّ الشَّيْطَانَ ثَالِثُهُمَا))

((Janganlah sesekali salah seorang daripada kamu bersunyi-sunyian (berkhawat) dengan seorang perempuan, sesungguhnya syaitan adalah yang ketiga (menghasut) di antara mereka berdua.))⁽⁷⁷⁾

Saudaraku yang mulia, sesungguhnya peratusan jenayah di kalangan masyarakat yang berlakunya percampuran antara lelaki dan perempuan terus bertambah. Rumah-rumah asuhan mengadu dengan jumlah anak-anak luar nikah yang semakin banyak. Hospital-hospital merintih dengan bertambahnya penyakit-penyakit kelamin yang kronik.

⁽⁷⁷⁾ Riwayat Imam Ahmad di dalam Musnad (1/81)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Sejarah terus menjadi saksi bahawa tiada suatu umat pun yang terjadi percampuran antara lelaki dan perempuan melainkan runtuh tamadunnya, hilang keamanannya, berlakunya jenayah, terbenam cahaya kemuliaannya, tenggelam di dalam lembah kehinaan dan dikotori dengan penyakit-penyakit kelamin yang kronik.

Oleh sebab itu, seluruh negara di dunia menyeru supaya dijalankan penyelidikan dan kajian ilmiah untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul akibat daripada keluarnya wanita daripada rumah. Begitu juga terdapat permintaan daripada beribu-ribu orang wanita supaya masalah ini diselesaikan.

Bahkan telah dianjurkan persidangan-persidangan dan juga diwujudkan akademikademik untuk mengkaji kesan-kesan yang timbul daripada senario wanita meninggalkan tugasnya sebagai suri rumah, yang tidak mungkin dapat diganti oleh orang lain sekalipun oleh ketua keluarga.

Saudaraku yang mulia... saudariku yang mulia..., kenapakah kita tidak merasa mulia dengan agama kita dan kembali kepada ajaran Nabi -sallallahu 'alaihi wa sallam- serta mengambil cara hidup kita daripada al-Qur'an

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

dan Sunnah Nabi Muhammad -sallalLahu 'alaihi wa sallam-? Sudah tiba waktunya bagi umat Islam untuk sedar daripada kelalaian dan bangkit daripada pembarangan kerana mereka merupakan cahaya petunjuk dan penyuluhan jalan.

Sampai bilakah kita akan menumpang di belakang sedangkan kita adalah pemandu pada suatu ketika dahulu? Bilakah kita akan menjadi pemimpin dunia jika kita masih mengambil sisasisa kotoran barat dan menjadikannya sebagai peraturan, akhlak dan adat kita?

Sungguh menghairankan! Bagaimanakah orang yang mulia mengikut orang yang hina, yang bahagia mengikut yang celaka, yang besar mengikut yang kecil, yang dihormati mengikut yang hina-dina, yang baik mengikut yang buruk? Bagaimanakah seorang muslim boleh mengikut seorang kafir?

Menjadi kewajipan kepada kita menyeru dan menyuarakan kepada dunia bahawa kita memiliki penyelesaian kepada setiap masalah. Sesungguhnya agama kita adalah rahmat kepada seluruh alam. Begitu juga menjadi kewajipan ke atas kita untuk memimpin manusia kepada kebaikan, kegembiraan dan petunjuk.

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

اَنْعَمْنَا لَكُم مِّنْ كُلِّ شَيْءٍ مَا شَاءْنَا

(Sesungguhnya Kami tidak mengutuskan engkau melainkan sebagai rahmat kepada seluruh alam.) [al-Anbiya': 107]

اَنْعَمْنَا لَكُم مِّنْ كُلِّ شَيْءٍ مَا شَاءْنَا

(Tidaklah dia melainkan peringatan kepada seluruh alam.) [Saad: 87]

Selepas penerangan ini, adakah layak bagi seorang muslimah -yang beriman kepada Allah sebagai Tuhananya, Islam sebagai agamanya dan Nabi Muhammad -sallalLahu 'alaihi wa sallam-sebagai Nabinya- untuk bercampur dengan lelaki-lelaki yang bukan mahramnya?

Adakah seorang muslim dapat membayangkan seorang perempuan yang suci, berakal, berilmu, mulia, dihormati, bangga dengan agama dan kedudukannya akan terlibat dalam percampuran antara lelaki dan perempuan?

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

RISALAH KESEPULUH

Saudaraku yang mulia -semoga Allah memelihara anda daripada segala kejahanatan dan kerosakan-, adakah anda mengetahui bahawa utusan kejahanatan, pintu kerosakan, candu bangsa dan perosak masyarakat adalah nyanyian dan muzik.

Sesungguhnya penyakit ini telah membenggulu bangsa dan umat, meruntuhkan peradaban dan kemajuannya, membangkitkan syahwat, membuatkan jiwa-jiwa bergantung kepadaannya lebih daripada kebergantungan kepada makanan dan minuman. Bahkan ada pula yang saling mencintai kerananya dan ada pula yang saling membenci kerananya.

Sejarah telah menjadi saksi kepada fakta bahawa tiada umat yang asyik di dalam lagu dan muzik melainkan ia telah ditimpa dengan kehinaan, kelemahan dan keruntuhan akhlak sebagaimana yang telah kita ketahui bahawa ia terjadi kepada kaum Rom dan Parsi, demikian juga sebagaimana yang kita sedang saksikan sekarang terhadap masyarakat Barat yang dilanda dengan pelbagai penyakit kronik.

Ini kerana mendengar muzik dan lagu melahirkan di dalam diri seseorang rasa malas

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

dan membangkitkan syahwatnya. Hal ini menyebabkan mereka merasa susah untuk melaksanakan tanggungjawab, dikuasai hawa nafsu dan diri terpesona dengan kebesaran dan kelazatan dunia sehingga mengakibatkan mereka melupakan akhirat dan lalai beramal untuk akhirat.

Sesungguhnya kebanyakan manusia telah memilih melalui jalan-jalan yang dilalui oleh umat yang sebelumnya. Maka ramai manusia yang tidak dapat memisahkan diri mereka daripada muzik sama ada di rumah, di dalam kenderaan, di pejabat maupun di pusat perniagaan.

Sedangkan begitu banyak dalil-dalil yang mengharamkan muzik dan nyanyian, yang juga menjelaskan bahawa hal tersebut bertentangan dengan ruh Islam yang suci, terpelihara dan mulia.

Kepada golongan yang tetap dalam melaksanakan hukum-hukum Allah, kepada golongan yang menzahirkan wala' (cinta dan kesetiaan) yang sepenuhnya kepada Allah dan RasulNya -sallalLahu 'alaihi wa sallam-, yang tunduk patuh kepada kepimpinan Allah dan RasulNya, yang sentiasa melawan hawa nafsu dan keinginan hatinya serta adat dan tradisi yang

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

bertentangan dengan Islam, kepada seluruh golongan yang beriman:

#EJr Nlaq̄e bñAjr? \$t̄l E #EJ uiv%\$c qabsbñ\$URj â

á ÇÈÈ bqe@gr 0għi Mar \$Xu f' Nisħiha 1-Goxfordia Minnha

(Sesungguhnya orang yang beriman itu ialah mereka yang apabila disebutkan nama Allah gementarlah hati mereka, dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Allah, bertambahlah keimanan mereka, dan kepada Tuhan mereka bertawakkal.) [al-Anfal: 2]

Kepada mereka kami bentangkan hukum Allah dan RasulNya dalam perkara mungkar yang telah dianggap suatu kebaikan oleh kebanyakan manusia.

Allah =Ta'ala- telah berfirman:

“ 亂世傳奇 ” 亂世傳奇

á CIE &üB Ø #k tñ Nby7 fñrñraæ \$dk i Gfr ñtñ lñbñ k \$

(Dan ada di kalangan manusia orang yang menggunakan perkataan yang sia-sia untuk menyesatkan manusia daripada jalan Allah tanpa ilmu, dan menjadikannya sebagai bahan

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

gurauan, maka mereka akan memperolehi azab yang menghinakan.) [Luqman: 6]

Para sahabat telah menafsirkan "perkataan yang sia-sia" sebagai nyanyian sebagaimana yang telah diriwayatkan secara sahih daripada Ibnu Mas'ud -seperti yang diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah, Ibnu Jarir, al-Hakim dan yang lainnya- daripada Abu as-Sahba' al-Bakriy bahawa dia mendengar Abdullah ibn Mas'ud berkata ketika dia ditanya tentang ayat ini, maka beliau menjawab: "Ia adalah nyanyian. Demi Allah yang tiada Tuhan melainkan Dia." Beliau mengulanginya sebanyak tiga kali.⁽⁷⁸⁾

Dan diriwayatkan dengan sanad yang sahih daripada Ibnu 'Abbas bahawa beliau berkata: "Ia adalah nyanyian dan mendengar nyanyian." Di dalam riwayat yang lain beliau berkata: "Ia adalah nyanyian dan seumpamanya."⁽⁷⁹⁾

Bahkan sekumpulan tabi'in (mereka yang hidup selepas zaman sahabat Rasulullah) telah mentafsirkan "perkataan yang sia-sia" sebagai nyanyian. Ia merupakan tafsiran Mujahid,

⁽⁷⁸⁾ Tafsir at-Tabari (10/202)

⁽⁷⁹⁾ Tafsir at-Tabari (10/203)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

'Ikrimah, Hasan al-Basri, Sa'id ibn Jubair, Qatadah, Nakha'ie dan yang lain.⁽⁸⁰⁾

Di dalam hadis sahih yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan selain daripadanya, daripada Abdullah ibn 'Amru ibn al-'Ass dan Abdullah ibn 'Abbas bahawa Rasulullah -sallalahu 'alaihi wa sallam- bersabda:

((إِنَّ رَبِّي عَزَّ وَجَلَ حَرَمَ عَلَيَّ الْخُمُرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْكُوْبَةُ وَالْقَتَنُ))

((Sesungguhnya Tuhanmu Yang Maha Perkasa lagi Maha Mulia telah mengharamkan arak, judi, gendang dan gitar.))⁽⁸¹⁾

Dan di dalam Sahih Muslim daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah -sallalahu 'alaihi wa sallam- bersabda:

((الجرس مزامير الشيطان))

((Loceng itu termasuk daripada seruling-seruling syaitan.))⁽⁸²⁾

Imam al-Bukhari meriwayatkan di dalam Sahihnya bahawa Rasulullah -sallalahu 'alaihi wa sallam- bersabda:

⁽⁸⁰⁾ Tafsir at-Tabari (10/202-204)

⁽⁸¹⁾ Lihat: al-Fath ar-Rabbani (17/132)

⁽⁸²⁾ Sahih Muslim (2114) dan Abu Daud (2556)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

((لِيَكُونَنَّ مِنْ أُمَّتِي أَقْوَامٌ يَسْتَحْلِونَ الْحِرَّ وَالْحَرِيرَ وَالْخَمْرَ
وَالْمَعَازِفَ، وَلَيَنْزَلَنَّ أَقْوَامٌ إِلَى جَنْبِ عَلَمٍ يَرْوَحُ عَلَيْهِمْ بِسَارِحةٍ لَهُمْ
يَأْتِيهِمْ - يَعْنِي الْفَقِيرِ - لَحَاجَةٍ فَيَقُولُونَ: ارْجِعْ إِلَيْنَا غَدًا فَيَبْيَثُمُ اللَّهُ
وَيَضْعُعُ الْعِلْمَ وَيَسْخُخُ آخَرِينَ قَرْدَهُ وَخَنَازِيرَ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ))

((Sesungguhnya akan ada daripada kalangan umatku yang menghalalkan zina, sutera, arak dan alat muzik. Dan sesungguhnya akan ada golongan yang turun ke sisi gunung dengan mengiringi haiwan gembalaan mereka, kemudian datang seorang miskin yang mempunyai hajat kepada mereka, lalu mereka berkata: "Datanglah kepada kami esok." Maka Allah membinasakan mereka dan menimpa gunung itu ke atas mereka serta mengubah yang lainnya menjadi monyet dan babi sehingga hari kiamat.))⁽⁸³⁾

Perhatikanlah bagaimana Rasulullah - sallaLahu 'alaihi wa sallam- mengiringkan pengharaman muzik dengan perkara-perkara yang diharamkan secara jelas iaitu zina, memakai sutera dan meminum arak.

⁽⁸³⁾ Riwayat Bukhari (Lihat: Fath al-Bari [10/5])

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Selain itu terdapat juga hadis-hadis -yang secara keseluruhan riwayatnya- mencapai darjat hasan yang telah diriwayatkan daripada beberapa orang sahabat, antaranya: Abu Hurairah, 'Aisyah, Imran ibn Husain, Abu Malik, Abu Sa'id al-Khudriy, Ali ibn Abi Talib, Abu Umamah dan diriwayatkan secara mursal daripada Abdul Rahman ibn Thabit.

Hadis Abu Hurairah ini telah diriwayatkan oleh Sa'id ibn Mansur, Ibnu Abi Dunya dan selain daripada mereka bahawa beliau berkata: Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- telah bersabda:

((يسخنَّ قومٌ من هذه الأمة في آخر الزمان فردةً وختانٍ، قالوا: يا رسول الله أليس يشهدون أن لا إله إلا الله وأن محمد رسول الله؟ قال: "بلى ويصومون ويصلون ويحجون" قال: ما فيهم؟ قال: "اخذوا المعافف والدفوف والقيّنات، فباتوا على شركهم ولوهم فأصبحوا قد مسخوا فردةً وختانٍ"))

(("Ada suatu kaum daripada umat ini akan diubah menjadi monyet dan babi pada akhir zaman." Mereka berkata: "Wahai Rasulullah, bukankah mereka itu bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan bersaksi bahawa Muhammad itu Pesuruh

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Allah?" Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam menjawab: "Benar, mereka itu berpuasa, menunaikan solat dan mengerjakan haji." Mereka berkata: "Kenapakah mereka diazab demikian?" Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam menjawab: "Mereka mendengar muzik, gendang-gendang, dan penyanyi-penynyani wanita, lalu mereka menghabiskan malam dengan minum dan perbuatan yang sia-sia dan apabila tiba waktu pagi mereka telah diubah menjadi monyet dan babi.")⁽⁸⁴⁾

Dan diriwayatkan oleh Ibnu Abi Dunya dan yang lainnya daripada Ibnu Mas'ud bahawa beliau berkata: "Nyanyian itu menumbuhkan kemunafikan di dalam hati sebagaimana air menumbuhkan tanaman."⁽⁸⁵⁾

Said ibn Mansur meriwayatkan, dan juga daripada riwayat al-Baihaqiy daripada Ibnu 'Abbas bahawa beliau berkata: "Rebana itu haram, alat-alat muzik itu haram, gendang itu haram, seruling itu haram."⁽⁸⁶⁾

⁽⁸⁴⁾ Zamm al-Malahi (m.s. 35)

⁽⁸⁵⁾ Zamm al-Malahi (m.s. 38)

⁽⁸⁶⁾ Zamm al-Malahi (m.s. 58)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Malah para imam telah bersepakat tentang haramnya nyanyian dan alat-alat muzik. Ditanya Imam Malik tentang nyanyian yang dibolehkan oleh penduduk Madinah, maka beliau menjawab: "Sesungguhnya yang melakukannya ialah orang fasik di antara kami."

Mazhab Abu Hanifah pula merupakan mazhab yang paling keras di dalam pengharaman nyanyian. Beliau telah menegaskan kepada murid-muridnya tentang pengharaman segala jenis alat muzik seperti seruling, rebana dan pukulan gendang. Bahkan mereka telah menyatakan bahawa ia merupakan perkara maksiat yang mewajibkan kefasikan dan ditolak kesaksianya.

Imam as-Syafi'iye pula pernah berkata: "Aku meninggalkan Baghdad dan di sana ada satu perkara yang dicipta oleh golongan zindiq. Mereka menamakannya sebagai "at-Taghbir" yang mereka gunakannya untuk menghalang manusia daripada al-Qur'an."

Ibnu al-Qayyim berkata (dalam menafsirkan perkataan "at-Taghbir"): "Ini merupakan perkataan as-Syafi'iye tentang "at-Taghbir" dan alasannya bahawa ia menghalang daripada al-Qur'an. Sedangkan "at-Taghbir" merupakan syair

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

yang menjadikan manusia zuhud daripada dunia, yang dinyanyikan oleh seorang penyanyi lalu para hadirin mengiringinya dengan pukulan pada tanah dan bantal."

Ibnu Solah berkata: "Ketahuilah bahawa apabila rebana, seruling dan nyanyian apabila bertemu, maka hukum mendengarnya adalah haram di sisi imam-imam mazhab dan juga para ulama' Islam yang lain."

Imam Ahmad pula telah berkata: "Nyanyian itu menumbuhkan kemunafikan di dalam hati." Beliau juga telah menyatakan kewajipan menghancurkan alat-alat muzik seperti gitar dan seumpamanya dan juga menyatakan haramnya mengambil manfaat daripada nyanyian serta haramnya harta yang didapat dari nyanyian."⁽⁸⁷⁾

Saudaraku yang mulia -semoga Allah memelihara anda daripada segala kejahanatan dan dosa-, ketahuilah bahawa nyanyian dibenarkan untuk kaum wanita dengan beberapa syarat berikut:

⁽⁸⁷⁾ Lihat: Pandangan ulama' tentang nyanyian di dalam kitab "Ighathah al-Lahafan" karangan Ibnu al-Qayyim (1/347-351)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

1. Kandungan liriknya tidak mengandungi perkara kotor dan keji.
2. Nyanyian tersebut hanya diiringi dengan rebana sahaja. Jika alat muzik digunakan, maka hukumnya haram.
3. Nyanyian tersebut hanya dilakukan pada hari raya atau hari perkahwinan sahaja.
4. Nyanyian tersebut hanya dilakukan oleh kaum wanita sahaja bukan kaum lelaki.

Dalil yang menunjukkan syarat-syarat tersebut ialah hadis yang diriwayatkan oleh an-Nasai'e, at-Tayalisiy, Ibnu Abi Syaibah, al-Hakim dan yang lain-lain daripada hadis 'Amir ibn Sa'ad al-Bajaliy bahawa beliau berkata: Aku datang dan bertemu dengan Abu Mas'ud, Qurzah ibn Ka'ab dan Thabit ibn Zaid, sedangkan di sisi mereka terdapat beberapa orang hamba perempuan sedang memukul rebana dan menyanyi untuk mereka. Maka aku bertanya: "Adakah kamu membenarkan perkara ini sedang kamu ini merupakan sahabat-sahabat Rasulullah - sallaLahu 'alaihi wa sallam-?" Maka beliau

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

menjawab: "Sesungguhnya perkara ini dibolehkan pada hari perkahwinan."⁽⁸⁸⁾

Dan di dalam Sahih Bukhari dan Muslim serta Kitab-kitab hadis yang lain, diriwayatkan daripada 'Aisyah bahawa beliau berkata:

((دخل عليَّ أبو بكر وعندِي جاريتان من حواري الأنصار
تُغَيَّيانِ. بما تقاولت به الأنصار يوم بُعاث، قالت: وليستا بمعنيتين،
فقال أبو بكر: أمزامير الشيطان في بيت رسول الله ﷺ وذلك في يوم
عيد فقال رسول الله ﷺ: يا أبو بكر إن لكل قوم عيداً وهذا عيدهنا))

((Abu Bakar telah datang menemuinya - sedangkan Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- berada di sisinya- pada hari raya Aidil Fitri atau Aidil Adha, dan bersama-sama aku ada dua orang hamba perempuan daripada Ansar sedang melakukan ucapan-ucapan golongan Ansar pada hari Bu'ath. 'Aisyah berkata: "Keduanya bukanlah penyanyi." Maka Abu Bakar berkata: "Bagaimanakah seruling-seruling syaitan boleh berada di rumah Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam-?" Maka Nabi -sallalLahu 'alaihi wa sallam- bersabda: "Wahai

⁽⁸⁸⁾ Riwayat an-Nasai'e (2/93) dan at-Tayalisiy (221)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Abu Bakar, sesungguhnya bagi setiap kaum itu hari raya, dan ini merupakan hari raya kita."))⁸⁹⁾

Hamba-hamba perempuan itu hanyalah menyanyikan lagu-lagu peperangan pada hari raya.

Saudaraku yang dikasihi, perhatikanlah sejenak dua ayat ini dalam keadaan berfikir dan bertadabbur tentang maknanya:

* \$Añez y Alvarado, 1990, p. 117.

á ÇIIÈ bqăy_çăñhōj Né

(Hanya orang yang mendengar sahajalah yang mematuhi (seruan Allah), dan orang yang mati (hatinya) akan dibangkitkan oleh Allah, kemudian kepadaNya sahaja mereka akan kembali.) [al-An'am: 36]

Dan Allah juga berfirman:

⁽⁸⁹⁾ Riwayat Bukhari (Lihat: Fath al-Bari [2/381]) dan Muslim (892)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

اَنْذِهُنَّكُمْ مِّنْ قَاتِلٍ فَإِنَّمَا يَرَوْنَ مَا كَسَبُوا وَمَا يُنْهَا
عَنِ الْحُكْمِ إِلَّا مَنِ اتَّخَذَ أَنْفُسَهُ أَبْلَاقًا وَمَا يَرَى
أَقْرَبُهُ إِلَيْهِمْ مِّنْ أَنْفُسِهِمْ وَمَا يَرَى

(Maka jika mereka tidak mematuhi, ketahuilah bahawa sesungguhnya mereka hanyalah mengikuti hawa nafsu mereka, dan siapakah yang lebih sesat daripada orang yang mengikuti hawa nafsunya tanpa mendapat petunjuk daripada Allah, sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang zalim.) [al-Qasas: 50]

Di dalam sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad di dalam Musnadnya dan juga Abu Daud di dalam Sunannya daripada Ibnu Umar bahawa Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- telah bersabda:

((مَنْ خَاصَمَ فِي بَاطِلٍ وَهُوَ يَعْلَمُهُ لَمْ يَزَلْ فِي سَخَطِ اللَّهِ حَتَّى
يَنْزَعَ))

((Barangsiapa yang berdebat di dalam perkara kebatilan sedangkan dia mengetahui kebenaran, maka dia akan terus berada di dalam

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

kemarahan (Allah) sehingga dia meninggalkannya.))⁽⁹⁰⁾

Saudaraku yang menunaikan ibadah haji - semoga Allah memelihara anda dan memandu langkah anda-...

Di penghujung risalah ini, ketahuilah bahawa Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- telah bersabda:

((مَنْ حَجَّ فَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ رَجَعَ مِنْ ذَنْبِهِ كَيْوَمْ وَلَدْتُهُ أَمْهُ))

((Sesiapa yang menunaikan haji tanpa dia melakukan "rafath" (perkara-perkara yang menimbulkan syahwat atau persetubuhan) dan tidak juga melakukan kefasikan (dosa atau kemungkaran), maka dosa-dosanya akan dihapuskan seperti keadaannya pada hari dia dilahirkan oleh ibunya.))⁽⁹¹⁾

Rasulullah -sallalLahu 'alaihi wa sallam- juga telah bersabda:

((الحج المبرور ليس له جزاء إلا الجنة))

⁽⁹⁰⁾ Riwayat Imam Ahmad (2/70) dan Abu Daud (3597)

⁽⁹¹⁾ Riwayat Bukhari (3/302) dan Muslim (1350)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

((Tiada balasan bagi haji yang mabruk
melainkan syurga.))⁽⁹²⁾

Jika anda berjaya mendapat balasan ini, sesungguhnya anda adalah orang yang mulia dan agung. Maka berhati-hatilah supaya anda tidak menghapuskannya atau merosakkannya dengan melakukan maksiat serta meninggalkan ketaatan. Sesungguhnya di antara tanda haji anda diterima ialah istiqamah anda melaksanakan ketaatan dan meninggalkan kemungkaran selepas menunaikan haji. Dan di antara tanda haji yang ditolak ialah kesanggupan anda melakukan maksiat dan meremehkan amalan-amalan soleh.

Saudaraku yang mulia...

Janganlah anda jadikan haji ini sekadar untuk mendapat panggilan "Haji Fulan". Sesungguhnya ia tidak dapat memberikan manfaat di sisi Allah. Esok anda pasti akan berpisah dengan dunia. Ketika itu anda akan mengetahui bahawa tujuan beramal adalah untuk diterima Allah, bukan untuk menerima gelaran.

⁽⁹²⁾ Riwayat Bukhari (3/476) dan Muslim (1349)

Risalah Untuk Jemaah Haji Dan Umrah

Semoga Allah menjadikan haji anda haji yang mabruk dan dosa anda dosa yang diampuni. Semoga Allah menerima amalan anda dan mengembalikan anda kepada keluarga, anak-anak, dan kepulangan anda ke negara dalam keadaan selamat serta beruntung kerana sesungguhnya Allah sahaja yang mampu melakukan semua perkara itu dan Dia berkuasa melakukan segalanya.

Selawat dan salam serta keberkatan kepada Nabi Muhammad -sallalLahu 'alaihi wa sallam-, ahli keluarga baginda dan para sahabat seluruhnya. Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam dan balasan yang baik itu hanyalah untuk hamba-hamba yang bertaqwa.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(اللَّهُمَّ عَالَمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ، فَاطِرُ السَّمَاوَاتِ
وَالْأَرْضِ، رَبُّ كُلِّ شَيْءٍ وَمَلِيكُهُ، أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا
أَنْتَ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسِي وَشَرِّ الشَّيْطَانِ وَشَرِّكَهِ).

"Ya Allah yang mengetahui yang ghaib dan yang nyata, Pencipta langit dan bumi, Tuhan setiap sesuatu dan pemiliknya, aku bersaksi bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau, dan aku berlindung dari kejahatan diriku,dan kejahatan syaitan dan sekutunya".

(اللَّهُمَّ أَحِينِي إِذَا كَانَتِ الْحَيَاةُ خَيْرًا لِي، وَتَوَفَّنِي إِذَا
كَانَتِ الْوَفَاءُ خَيْرًا لِي). (اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ حَشِيشَتَكَ فِي
الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ، وَأَسْأَلُكَ كَلْمَةَ الْحَقِّ فِي الْغَصَبِ
وَالرِّضَا. وَأَسْأَلُكَ الْقَصْدَ فِي الْفَقْرِ وَالْغَنَى. وَأَسْأَلُكَ
نَعِيمًا لَا يَنْفَدِعُ، وَأَسْأَلُكَ قُرَّةَ عَيْنٍ لَا تَنْقَطِعُ. وَأَسْأَلُكَ

Doa-doa Pilihan

الرّحْمَةَ بَعْدَ الْقَضَاءِ، وَأَسْأَلُكَ بَرْدَ الْعَيْشِ بَعْدَ الْمَوْتِ.
وَأَسْأَلُكَ لَذَّةَ النَّظَرِ إِلَى وَجْهِكَ، وَالشَّوْقَ إِلَى لِقَايَكَ، مِنْ
غَيْرِ ضَرَّاءٍ مُضِرَّةٍ، وَلَا فَسْتَةَ مُضْلَّةٍ.

"Ya Allah hidupkanlah aku sekiranya kehidupan itu baik untukku, matikanlah aku sekiranya kematian itu baik untuk aku. Ya Allah sesungguhnya aku bermohon padaMu dikurniakan perasaan takut kepadamu pada waktu sembunyi dan nyata, aku bermohon Kalimah Haq pada waktu , marah dan redho. Aku bermohon kesederhanan kemiskinan dan kekayaan. Aku bermohon Nikmat yang tidak habis. Aku bermohon padamu zuriat yang enak di pandang mata dan yang tidak terputus. Aku bermohon sifat redha selepas qoda'. Aku bermohon kedamaian hidup selepas kematian. Aku memohon kenikmatan melihat wajahmu, kerinduan untuk bertemu denganmu dengan tidak ada kemudharatan yang memudharatkan dan fitnah yang menyesatkan".

(اللَّهُمَّ زِينْنَا بِزِينَةِ الْإِيمَانِ، وَاجْعَلْنَا هُدَاءً مُهْتَدِينَ).

Doa-doa Pilihan

"Ya Allah hiasilah diri kami dengan perhiasan iman, dan jadikanlah kami petunjuk kepada orang yang mendapat petunjuk".

(بِاسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ،
وَلَا فِي السَّمَاوَاتِ، وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ).

"Dengan Nama Allah yang tidak memberi mudharat bersama namaNya oleh sesuatu di bumi dan tidak juga di langit, Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".

(اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي، وَأَنَا عَبْدُكَ
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ
مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنَعْمَتِكَ عَلَيَّ، وَأَبُوءُ لَكَ بِذَنِّي،
فَاغْفِرْ لِي، إِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ)

"Ya Allah, Engkaulah Tuhanmu, tidak ada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau, Engkau telah menjadikanku, dan aku adalah hambaMu, dan aku berada di atas perintah dan perjanjianMu sekadar mana keupayaanku. Aku berlindung denganMu daripada segala kejahatan

Doa-doa Pilihan

yang telah aku lakukan, aku mengakui nikmatMu ke atasku dan aku mengaku akan dosaku(yang telah dilakukan). Maka Engkau ampunilah dosaku, sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan segala dosa melainkan Engkau”.

(لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ).

Tiada daya dan upaya melainkan datangnya dari Allah Subahanahu Wa Taa'la".

(اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا
صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ
مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ).

“Ya Allah selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad dan ke atas keluarga Baginda seperti Engkau kurniakan kepada Nabi Ibrahim dan keluarganya. Ya Allah, berkatilah ke atas Nabi Muhammad dan ke atas keluarga Baginda seperti yang telah Engkau berkatik ke atas Nabi Ibrahim dan keluarganya. Sesungguhnya

Doa-doa Pilihan

Engkaulah Yang Maha Terpuji dan Yang Maha Mulia".

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَرِزَّ أَوْ أُرِزَّ، أَوْ أَضِلَّ أَوْ
أُضِلَّ، أَوْ أَظْلِمَ أَوْ أُظْلَمَ، أَوْ أَجْهَلَ أَوْ يُجْهَلُ عَلَيَّ).

"Ya Allah sesungguhnya aku berlindung kepadaMu dari kegelinciran dan di gelincirkan, dan aku berlindung dari kesesatan dan disesatkan, dan aku berlindung dari kezaliman dan dizalimi, atau kebodohan dan diperbodohkan".

(اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ، وَمَنْكَ السَّلَامُ، تَبَارَكْتَ يَا ذَا
الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ).

"Ya Allah Engkaulah As-Salam (pemberi keselamatan), daripadamulah keselamatan, Keberkatan Engkau wahai Tuhan yang Maha Agong lagi yang Maha Mulia".

Doa-doa Pilihan

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا، وَعَمَلاً مُتَقَبِّلًا، وَرِزْقًا طَيِّبًا)

"Ya Allah aku memohon dariMu ilmu yang bermanfaat, aku memohon dariMu amalan yang diterima dan aku memohon dariMu rezeki yang baik".

(اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ)

"Ya Allah bantulah aku untuk mengingatiMu dan bersyukur kepadaMu dan menjadi hambaMu yang baik".

(لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ، وَلَا مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ، وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدْدِ مِنْكَ الْجَدُّ).

"Tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah satu-satunya tiada sekutu baginya, baginya pemerintahan, baginya pujian, Dia yang berkuasa di atas setiap sesuatu. Ya Allah tiada

Doa-doa Pilihan

yang mampu mecegah dari apa yang telah Engkau berikan dan tiada yang mampu memberi dari apa yang telah Engkau cegahkan, dan tiadalah bermanfaat orang yang mempunyai kelebihan (harta, keturunan, kekuasaan) kerana kelebihannya itu daripada kekuasaan Engkau”.

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبُخْلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ
الْجُبْنِ، وَأَعُوذُ بِكَ أَنْ أَرْدَدَ إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ، وَأَعُوذُ بِكَ
مِنْ فِتْنَةِ الدُّنْيَا، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ)

"Ya Allah sesungguhnya aku berlindung kepada Engkau dari sifat bakhil, dan aku berlindung kepadaMu dari sifat pengecut, dan berlindung kepadaMu dari dikembalikan kepada umur yang hina (nyanyuk), dan aku berlindung kepadaMu dari ujian dunia, dan dari azab kubur".

(اللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْمًا كَثِيرًا، وَلَا يَغْفِرُ
الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ، فَاغْفِرْ لِي مَغْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ، وَارْحَمْنِي
إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ)

Doa-doa Pilihan

"Ya Allah sesungguhnya aku telah menzalimi diriku dengan kezaliman yang banyak, tiada yang mampu mengampuni dosaku melainkan Engkau, maka ampunkanlah aku dengan keampunan dariMu, dan rahmatilah aku sesungguhnya hanya engkaulah yang Maha Pengampun dan yang Maha Pengasih".

(الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا، سُبْحَانَكَ رَبَّنَا
وَبِحَمْدِكَ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ)

"Segala puji bagi Allah dengan pujian yang banyak, bagus dan berkat, Maha suci Engkau wahai Tuhan kami dan pujian bagiMu, tiada tuhan melainkan Engkau, aku memohon keampunan dariMu dan aku bertaubat kepadaMu".

(اللَّهُمَّ آتِنِي فِي تَقْوَاهَا، وَزَكِّهَا أَنْتَ خَيْرُ مَنْ
زَكَّاهَا، أَنْتَ وَلِيُّهَا وَمَوْلَاهَا).

"Ya Allah berikanlah pada diriku ketakwaan dan bersihkanlah ia, hanyasanya Engkaulah sebaik-baik pembersih, Engkaulah penguasa dan pemeliharanya".

Doa-doa Pilihan

(اللَّهُمَّ افْسِمْ لَنَا مِنْ خَشْيَتِكَ مَا تَحُولُ بَيْنَنَا وَبَيْنَ
مَعَاصِيكَ، وَمِنْ طَاعَتِكَ مَا تُبَلِّغُنَا بِهِ جَنَّتَكَ، وَمِنْ الْيَقِينِ
مَا تُهَوِّنُ عَلَيْنَا مَصَابِ الدُّنْيَا، اللَّهُمَّ أَمْتَعْنَا بِأَسْمَاعِنَا
وَأَبْصَارِنَا وَفُوْتَنَا مَا أَحْيَيْنَا، وَاجْعِلْهُ الْوَارِثُ مِنَّا، وَاجْعِلْ
ثَارِنَا عَلَى مَنْ ظَلَّمَنَا، وَانْصُرْنَا عَلَى مَنْ عَادَنَا وَلَا تَجْعَلْ
مُصِيبَتَنَا فِي دِينِنَا، وَلَا تَجْعَلِ الدُّنْيَا أَكْبَرَ هَمَنَا، وَلَا مَبْلَغَ
عِلْمَنَا، وَلَا تُسْلِطْ عَلَيْنَا مَنْ لَا يَرْحَمُنَا)

"Ya Allah berikanlah kepada kami perasaan takut kepadaMu yang dengannya kami menjauhkan diri dari melakukan maksiat kepadamu, kurniakanlah ketaatan (kami) kepadamu yang dengannya menyampaikan diri kami kepada syurgamu, kurniakanlah keyakinan yang mana dengannya meringankan kami dari musibah-musibah dunia, Ya Allah tenteramkanlah pendengaran kami, penglihatan kami, dan kekuatan kami selama mana kami masih hidup.dan jadikanlah ianya warisan kami, dan jadikanlah hak kami ke atas orang yang menzalimi kami. Bantulah kami dari orang yang memusuhi kami, dan janganlah Engkau jadikan

Doa-doa Pilihan

musibah kami itu pada agama kami dan janganlah Engkau jadikan dunia keutamaan besar kami dan tidak juga matlamat ilmu kami, dan janganlah engkau jajahi ke atas kami orang yang tidak mengasihi kami".

(أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ).

"Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna daripada kejahatan makhluk yang jahat".

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ، اللَّهُمَّ
إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ، فِي دِينِي وَدُنْيَايِ وَأَهْلِي
وَمَالِي، اللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَتِي، وَآمِنْ رَوْعَاتِي، اللَّهُمَّ
احْفَظْنِي مِنْ بَيْنِ يَدَيِّ وَمِنْ حَلْفِي، وَعَنْ يَمِينِي وَعَنْ
شِمَالِي، وَمِنْ فَوْقِي، وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ
تَحْتِي)

"Ya Allah, aku memohon kepadaMu keampunan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat, Ya Allah, aku memohon kepadaMu keampunan dan

Doa-doa Pilihan

kesejahteraan pada agamaku, duniaku, keluargaku dan hartaku. Ya Allah, tutupkanlah keaibanku dan amankanlah diriku daripada rasa takut. Ya Allah, peliharalah diriku dari hadapan dan belakangku, dari kanan dan kiriku serta dari atasku dan aku berlindung dengan keagunganMu daripada diperdaya dari sebelah bawahku".

(اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ كُلُّهُ، لَا قَابِضٌ لِمَا بَسَطْتَ، وَلَا
بَاسِطٌ لِمَا قَبَضْتَ، وَلَا هَادِيٌ لِمَنْ أَضْلَلْتَ، وَلَا مُضِلٌّ
لِمَنْ هَدَيْتَ، وَلَا مُعْطِيٌ لِمَا مَنَعْتَ، وَلَا مَانِعٌ لِمَا
أَعْطَيْتَ، لَا مُقْرِبٌ لِمَا بَاعْدَتَ، وَلَا مُبَاعِدٌ لِمَا قَرَبَتَ،
اللَّهُمَّ ابْسُطْ عَلَيْنَا مِنْ بَرَكَاتِكَ وَرَحْمَتِكَ وَفَضْلِكَ
وَرِزْقِكَ).

"Ya Allah kepadamMulah segala pujian, tidak ada yang mengenggam bagi setiap apa yang Engkau hamparkan (berikan) tidak ada yang menghampar bagi setiap apa yang Engkau genggamkan, tidak ada yang mampu memberi petunjuk kepada sesiapa yang telah Engkau sesatkan, tidak ada yang mampu menyesatkan

Doa-doa Pilihan

kepada sesiapa yang telah Engkau berikan petunjuk, tidak ada pemberi kepada apa yang telah Engkau tegahkan, dan tidak ada penegah kepada apa yang telah Engkau berikan, tidak ada yang mampu mendekati bagi apa yang telah kau jauhkan, dan tidak ada yang mampu menjauhkan bagi apa yang telah Engkau dekatkan. Ya Allah hamparkanlah kepada kami dari keberkatanmu, kasihmu, kelebihanmu dan rezekimu".

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ النَّعِيمَ الْمُقِيمَ الَّذِي لَا يَحُولُ وَلَا يَزُولُ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ النَّعِيمَ يَوْمَ الْعِيلَةِ وَالآمِنَ يَوْمَ الْخَوْفِ، اللَّهُمَّ عَايِذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا أَعْطَيْتَنَا وَشَرِّ مَا مَنَعْتَنَا)

"Ya Allah sesungguhnya aku memohon kepadaMu kenikmatan tempat tinggal yang tidak akan berubah dan tidak akan hilang, Ya Allah sesungguhnya aku memohon kepadaMu kenikmatan pada hari kemiskinan (akhirat) dan keamanan pada hari ketakutan (akhirat). Ya Allah aku berlindung kepadaMu daripada kejahatan yang Engkau berikan pada kami dan kejahatan yang Engkau tegahkan pada kami".

Doa-doa Pilihan

(اللَّهُمَّ حَبِّبْ إِلَيْنَا الإِيمَانَ وَزَيَّنْهُ فِي قُلُوبِنَا، وَكَرِّهْ إِلَيْنَا
الْكُفْرَ وَالْفُسُوقَ وَالْعُصْيَانَ، وَاجْعُلْنَا مِنَ الرَّاشِدِينَ،
اللَّهُمَّ تَوَفَّنَا مُسْلِمِينَ وَأَحْيِنَا مُسْلِمِينَ، وَأَلْحِقْنَا بِالصَّالِحِينَ
غَيْرَ خَرَابِاً وَلَا مَفْتُونِينَ)

"Ya Allah Engkau cintakanlah kami kepada iman dan hiaskanlah ianya dalam hati kami, dan Engkau bencikanlah kami kepada kekuatan, kefasikan dan kemaksiatan. Jadikanlah kami dari golongan yang mendapat petunjuk.Ya Allah matikanlah kami dalam Islam dan hidupkanlah kami dalam Islam, dan pertemukanlah aku dengan golongan yang soleh tanpa malapetaka dan tidak ditimpah fitnah".

(اللَّهُمَّ قاتِلِ الْكَفَرَةَ الَّذِينَ يُكَذِّبُونَ رُسُلَكَ وَيَصُدُّونَ
عَنْ سَبِيلِكَ، وَاجْعَلْ عَلَيْهِمْ رِجْزَكَ وَعَذَابَكَ إِلَهَ الْحَقِّ
آمِينَ)

"Ya Allah perangilah golongan kafir yang mendustakan rasul-rasulMu dan mereka yang menyekat jalanMu (Islam), dan jadikan

Doa-doa Pilihan

(campakkan ke atas mereka) kehinaan dan azab siksa wahai tuhan yang benar perkenankanlah".

(اللَّهُمَّ رَحْمَتَكَ أَرْجُو، فَلَا تَكْلِنِي إِلَى نَفْسِي طَرْفَةَ عَيْنٍ، وَأَصْلِحْ لِي شَأْنِي كُلَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ)

"Ya Allah, demi rahmatMu aku memohon maka janganlah Engkau tinggalkan aku bersama diriku walaupun sekelip mata dan perelokkanlah urusanku keseluruhannya, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau".

(لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْحَلِيمُ الْعَظِيمُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَرَبُّ الْأَرْضِ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ)

"Tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Maha Lembut dan Yang Maha Agung, tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Tuhan pemilik A'rasy Yang Maha Agung, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Tuhan yang memiliki petala langit dan bumi, dan Tuhan pemilik A'rasy yang agung".

Doa-doa Pilihan

(اللَّهُمَّ رَبَّ السَّمَاوَاتِ السَّبْعِ وَرَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ،
رَبَّنَا وَرَبَّ كُلِّ شَيْءٍ، مُنْزَلُ التَّوْرَاةِ وَالْإِنْجِيلِ وَالْفُرْقَانِ،
فَالْأَقْرَبُ الْحَبْ وَالنَّوْى، أَعُوذُ بِكَ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ أَنْتَ آخِذُ
بِنَاصِيَّتِهِ)

(اللَّهُمَّ أَنْتَ الْأَوَّلُ فَلَيْسَ قَبْلَكَ شَيْءٌ، وَأَنْتَ الْآخِرُ
فَلَيْسَ بَعْدَكَ شَيْءٌ، وَأَنْتَ الظَّاهِرُ فَلَيْسَ فَوْقَكَ شَيْءٌ،
وَأَنْتَ الْبَاطِنُ فَلَيْسَ دُونَكَ شَيْءٌ، اقْضِ عَنِّي الدَّيْنَ
وَأَغْنِنِي مِنَ الْفَقْرِ)

“Ya Allah, Tuhan pemilik tujuh lapisan langit, Tuhan Arasy yang agung, Tuhan kami dan Tuhan setiap sesuatu, Yang menurunkan Taurat, Injil dan Furqan (Al-Quran),Yang membelah (menumbuhkan) biji (tumbuh-tumbuhan) dan butir (buah-buahan), aku berlindung denganMu daripada kejahatan setiap sesuatu, Engkau Yang Berkuasa ke atasnya. Ya Allah, Engkau Yang Awal tiada sebelumMu sesuatu, Engkau Yang Terakhir tiada selepasMu sesuatu. Engkaulah Yang Zahir dan tiada di atasMu sesuatu,

Doa-doa Pilihan

Engkaulah Yang Batin dan tiada sesuatu di bawahMu, jelaskanlah daripada kami hutang kami dan berikanlah kami kekayaan agar kami bebas daripada kefakiran”.

(اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ نُورُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ، وَلَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ قَيْوُمُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ ، وَلَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ، أَنْتَ الْحَقُّ، وَقَوْلُكَ الْحَقُّ، وَوَعْدُكَ الْحَقُّ، وَلِقَاؤُكَ حَقٌّ، وَالْجَنَّةُ حَقٌّ، وَالنَّارُ حَقٌّ، وَالسَّاعَةُ حَقٌّ، وَمُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَقٌّ)

"Ya Allah bagiMu segala pujian, Engkaulah cahaya bagi petala langit dan bumi serta apa-apa yang wujud di dalamnya, dan bagiMu segala pujian Engkaulah Tuhan yang mendirikan petala langit dan bumi dan apa-apa yang wujud di dalamnya, dan bagimu segala pujian, Engkaulah tuhan bagi petala langit dan bumi dan apa-apa yang wujud di dalamnya, Engkaulah Yang Hak (benar), perkataan Engkau adalah benar, janji Engkau adalah benar, pertemuan dengan Engkau adalah benar, Syurga adalah benar,

Doa-doa Pilihan

Neraka adalah benar, Hari kiamat adalah benar,
dan Nabi Sallahu Alaihi Wasallam adalah benar".

(اللَّهُمَّ لَكَ أَسْلَمْتُ، وَبِكَ آمَنْتُ، وَعَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ،
وَإِلَيْكَ أَبْتَأْتُ، وَبِكَ خَاصَّمْتُ، وَإِلَيْكَ حَاكَمْتُ، فَاغْفِرْ
لِي مَا قَدَّمْتُ وَأَخَرْتُ، وَمَا أَسْرَرْتُ وَمَا أَخْلَنْتُ، أَنْتَ
إِلَهِي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ)

"Ya Allah kepada Engkaulah aku menyerah diri, kepada Engkaulah aku beriman, kepada Engkaulah aku bertawakal, kepada Engkaulah aku bertaubat, kepada Engkaulah aku berdamai, kepada Engkaulah aku berhukum, maka ampunkanlah dosa yang telah aku lakukan dahulu dan kemudian, dan dosa yang aku telah lakukan secara rahiya dan nyata, Engkaulah Tuhanmu tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau".

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ، وَبِمُعَافَاتِكَ مِنْ
عُقُوبَتِكَ، وَبِكَ مِنْكَ لَا نُحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ أَنْتَ كَمَا
أَثْبَيْتَ عَلَى نَفْسِكَ)

Doa-doa Pilihan

"Ya Allah, aku berlindung dengan keredhaanMu daripada kemurkaanMu dan aku berlindung dengan kemaafanMu daripada azab siksaanMu dan aku tidak dapat memujiMu seperti Engkau memuji diriMu".

(أَعُوذُ بِوْجُهِ اللَّهِ الْكَرِيمِ، وَكَلِمَاتِهِ التَّامَّاتِ الَّتِي لَا يُحَاوِرُهُنَّ بَرٌّ وَلَا فَاجِرٌ، مِنْ شَرِّ مَا يَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا، وَمِنْ شَرِّ مَا ذَرَّا فِي الْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا، وَمِنْ فَتَنِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ، وَمِنْ شَرِّ طَوَّارِقِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ، إِلَّا طَارِقًا يَطْرُقُ بِخَيْرٍ، يَا رَحْمَنُ)

"Aku berlindung dengan wajah Allah yang maha mulia dan kalimatnya yang sempurna, yang tidak boleh ditembusi oleh orang yang baik dan yang jahat, dari kejahatan semua yang turun dari langit dan yang naik kepadanya, dari kejahatan semua yang tumbuh di bumi dan yang keluar daripadanya, dari kejahatan fitnah yang berlaku di waktu malam dan siang dan dari kejahatan yang datang (pada waktu malam) kecuali dengan tujuan baik, wahai Tuhan yang Maha Pengasih"

Doa-doa Pilihan

(اللَّهُمَّ اكْفِنِي بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ، وَأَغْنِنِي بِفَضْلِكَ
عَمَّنْ سِوَاكَ)

"Ya Allah, cukupkanlah aku dengan segala perkara yang telah Engkau halalkan daripada segala perkara yang telah Engkau haramkan. Kayakanlah aku dengan kelebihan Engkau daripada meminta kepada orang lain".

(اللَّهُمَّ يَا فَارِجَ الْهَمِّ ، كَاشفَ الْغُمَّ، مُجِيبَ دُعَوَةِ
الْمُضْطَرِّينَ، رَحْمَنَ الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ وَرَحِيمَهُمَا، أَنْتَ
تَرْحَمُنِي، فَارْحَمْنِي رَحْمَةً تُغْنِنِي بِهَا عَنْ رَحْمَةِ مَنْ
سِوَاكَ)

"Ya Allah yang merungkaikan masalah, pembuka kesedihan, penerima doa orang yang ditimpa mudharat, yang pemurah dan pengasih di dunia dan akhirat. Engkau mengasihiku, kasihilah aku dengan rahmat yang membebaskan aku dari meminta kasihan belas dari orang lain".

Doa-doa Pilihan

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبُخْلِ وَالْجُنُونِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلَبَةِ الدِّينِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ)

"Ya Allah, aku berlindung denganMu daripada ditimpa kesusahan dan kedukaan, daripada kelemahan dan kemalasan, daripada kedekut dan perasaan takut dan daripada desakan berhutang dan paksaan orang"

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ الْمَسِيحِ الدَّجَّالِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ)

"Ya Allah sesungguhnya aku berlindung daripada azab api neraka, dan aku berlindung dari azab kubur, dan aku berlindung dari kejadian Masih Al-Dajjal, dan aku berlindung dari fitnah semasa hidup dan mati".

Doa-doa Pilihan

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِأَنِّي أَشْهَدُ أَنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا
أَنْتَ الْأَحَدُ الصَّمَدُ الَّذِي لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ، وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ
كُفُواً أَحَدٌ)

"Ya Allah sesungguhnya aku memohon dariMu dengan aku bersaksi bahwasanya Engkaulah Allah tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau Yang Esa, yang menjadi tempat pergantungan, yang tidak melahirkan dan tidak dilahirkan, dan yang tidak ada sekutu baginya sesuatu pun".

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ، وَقَلْبٍ لَا
يَخْشَعُ، وَدُعَاءٍ لَا يُسْمَعُ، وَنَفْسٍ لَا تَشْبَعُ)

"Ya Allah sesungguhnya aku berlindung kepadamu dari ilmu yang tidak bermanfaat, dan hati yang tidak khusuk, dan dari doa yang tidak didengari, dan dari nafsu yang tidak pernah kenyang".

Doa-doa Pilihan

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ، وَسُوءِ
الْفَضَائِءِ، وَمِنْ دَرَكِ الشَّقَاءِ، وَشَمَائِةِ الْأَعْدَاءِ)

"Ya Allah sesungguhnya aku berlindung kepadaMu dari ujian yang dahsyat, daripada ketentuan yang buruk, daripada kecelakaan yang menimpa, dan daripada celaan musuh".

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الشَّقَاقِ، وَالنَّفَاقِ، وَسُوءِ
الْأَخْلَاقِ)

"Ya Allah sesungguhnya aku berlindung kepadaMu daripada kesusahan, sifat munafik dan akhlak yang buruk".

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ زَوَالِ نِعْمَتِكَ، وَتَحْوُلِ
عَافِيَتِكَ، وَفُجَاءَةِ نِقْمَتِكَ، وَجَمِيعِ سَخَطِكَ)

"Ya Allah sesungguhnya aku berlindung kepadaMu dari kehilangan nikmatMu, perubahan kesihatan dariMu, hukumanMu yang tiba-tiba, dan semua jenis kemurkaaanMu".

Doa-doa Pilihan

(لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ)

"Tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau sesungguhnya aku telah tergolong dari kalangan orang yang zalim".

(اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذَنْبِي كُلَّهُ ، دِقَّهُ وَجْلَهُ ، وَعَلَانِيَّتَهُ
وَسِرَّهُ ، وَأَوَّلَهُ وَآخِرَهُ

"Ya Allah ampunkanlah dosaku kesemuanya, dosa yang kecil dan dosa yang besar, dosa yang terang atau dosa yang tersembunyi, dan dosa yang terdahulu serta dosa yang terkemudian".

(اللَّهُمَّ اهْدِنَا فِيمَنْ هَدَيْتَ ، وَعَافَنَا فِيمَنْ عَافَيْتَ ،
وَتَوَلَّنَا فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ ، وَبَارِكْ لَنَا فِيمَا أَعْطَيْتَ ، وَقَنَا شَرًّا مَا
قَضَيْتَ ، إِنَّكَ تَقْضِي وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ ، وَإِنَّهُ لَا يَذَلُّ مَنْ
وَالَّيْتَ ، تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ)

"Wahai Tuhan kita, berilah petunjuk hidayah kepada kami bersama mereka yang telah Engkau berikan petunjuk, dan sihatkanlah kami bersama mereka yang telah Engkau sihatkan

Doa-doa Pilihan

dan uruskanlah kami bersama orang yang telah Engkau uruskan dan berkatilah kami pada nikmat yang telah Engkau kurniakan dan hindarilah kami daripada sebarang kejahatan yang telah Engkau tetapkan, maka sesungguhnya Engkaulah penghukum dan Engkau tidak akan di hukum. Sesungguhnya tidak akan hina orang yang Engkau telah uruskan. Maha Berkat Engkau, wahai Tuhan kami dan Engkau yang Maha Tinggi”.

(اللَّهُمَّ لَكَ أَسْلَمْتُ، وَبِكَ آمَنْتُ، وَعَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ،
وَإِلَيْكَ أَنْبَتُ، وَبِكَ حَاصَمْتُ، وَإِلَيْكَ حَاكَمْتُ، فَاغْفِرْ
لِي مَا قَدَّمْتُ وَأَخَرْتُ، وَمَا أَسْرَرْتُ وَمَا أَعْلَنْتُ، وَمَا
أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنِّي، أَنْتَ إِلَهِي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ)

"Ya Allah kepada Engkaulah aku menyerah diri, kepada Engkaulah aku beriman kepada Engkaulah aku bertawakal, kepada Engkaulah aku bertaubat, dengan pertolonganmu aku berhujah, kepada Engkaulah aku berhukum, maka ampunkanlah dosaku yang telah aku terdahulu dan kemudian, dan apa yang telah aku lakukan secara rahsia mahupun secara terang, dan apa-apa dosa yang lebih Engkau ketahui

Doa-doa Pilihan

daripadaku, Engkau lah Tuhan ku tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau".

(اللَّهُمَّ اجْعِلْ فِي قَلْبِي نُورًا، وَفِي سَمْعِي نُورًا، وَفِي
بَصَرِي نُورًا، وَمَنْ بَيْنِ يَدَيَ نُورًا، وَمَنْ خَلْفِي نُورًا، وَعَنْ
يَمِينِي نُورًا، وَعَنْ شَمَائِلِي نُورًا، وَمَنْ فَوْقِي نُورًا، وَمَنْ
تَحْتِي نُورًا، وَأَعْظَمْ لِي نُورًا يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ)

"Ya Allah Engkau jadikanlah dalam hatiku cahaya, pada pendengaranku cahaya, pada penglihatanku cahaya, di hadapanku cahaya, dibelakangku cahaya, di sebelah kananku cahaya, di sebelah kiriku cahaya, di atasku cahaya, di bawahku cahaya, dan Engkau besarkanlah aku dengan cahaya wahai Tuhan semesta alam".

(اللَّهُمَّ رَحْمَنَكَ أَرْجُو، فَلَا تَكْلِنِي إِلَى نَفْسِي طَرْفَةَ عَيْنٍ،
وَأَصْلِحْ لِي شَأْنِي كُلَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ)

"Ya Allah, demi rahmatMu aku memohon maka janganlah Engkau serahkan aku kepada diriku walaupun sekilip mata dan perelokkanlah

Doa-doa Pilihan

urusanku keseluruhannya, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau”.

(اللَّهُمَّ إِنِّي عَبْدُكَ وَابْنُ عَبْدِكَ وَابْنُ امْتَكَ، نَاصِيَتِي
بِيَدِكَ، مَاضٍ فِي حُكْمِكَ، عَدْلٌ فِي قَضَاؤُكَ، أَسْأَلُكَ بِكُلِّ
اسْمٍ هُوَ لَكَ، سَمِّيَتَ بِهِ نَفْسَكَ أَوْ أَنْزَلْتَهُ فِي كِتَابِكَ، أَوْ
عَلِمْتُهُ أَحَدًا مِنْ خَلْقِكَ، أَوْ اسْتَثْرَتَ بِهِ فِي عِلْمِ الْغَيْبِ
عَنْكَ، أَنْ تَجْعَلَ الْقُرْآنَ رَبِيعَ قَلْبِي، وَنُورَ بَصَرِي،
وَجَلَاءَ حُزْنِي، وَذَهَابَ هَمِّي)

“Ya Allah, sesungguhnya aku adalah hambaMu, anak kepada hambaMu, anak kepada hamba perempuanMu, ubun-ubunku di tanganMu, terlaksana ke atasku hukumanMu, adil ketentuanMu terhadapku, aku memohon kepadaMu dengan setiap nama yang Engkau telah namakannya dengan diriMu, atau Engkau turunkan di dalam kitabMu, atau Engkau telah mengajarnya kepada seseorang daripada makhlukMu atau yang tersembunyi pada ilmu ghaib di sisiMu, jadikanlah Al-Quran penenang hatiku, cahaya di dadaku, penghapus kedukaanku dan penghilang kesusahanku”.

Doa-doa Pilihan

(أَعُوذُ بِنُورِ وَجْهِكَ الَّذِي أَشْرَقْتَ لَهُ الظُّلُمَاتُ، وَصَلَحْتَ
عَلَيْهِ أَمْرَ الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ، أَنْ تَنْزِلَ بِي غَضِيبَكَ، أَوْ تَحْلِ
عَلَيَّ سَخْطُكَ ، لَكَ الْعُتْمَى حَتَّى تَرْضَى، وَلَا حَوْلَ وَلَا
قُوَّةَ إِلَّا بِكَ)

"Aku berlindung dengan cahaya wajahMu yang menyinari kegelapan dan dengannya diperbaiki urusan dunia dan akhirat, janganlah Engkau turunkan kemarahanMu ke atasku, atau Engkau halalkan ke atasku kemurkaanmu, bagimu kerelaan sehingga Engkau redho, tiada kemampuan dan juga kekuatan kecuali dengan izinmu".

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ النَّعِيمَ يَوْمَ الْعِيلَةِ، وَالْأَمْنَ يَوْمَ
الْخَوْفِ، اللَّهُمَّ عَايِذُكَ مِنْ شَرِّ مَا أَعْطَيْتَنَا وَشَرِّ مَا
مَنَعْتَنَا)

"Ya Allah sesungguhnya aku memohon kapadamu kenikmatan pada hari kemiskinan dan keamanan pada hari ketakutan.Ya Allah (aku) berlindung denganmu daripada kejahatan yang

Doa-doa Pilihan

Engkau berikan pada kami dan kejahatan yang Engkau telah tegahkan daripada kami".

(اللَّهُمَّ تَوَفَّنَا مُسْلِمِينَ وَأَحْيِنَا مُسْلِمِينَ، وَأَلْحِقْنَا^١
بِالصَّالِحِينَ غَيْرَ حَزَارِيَاً وَلَا مَفْتُونِينَ)

"Ya Allah matikanlah kami dalam Islam dan hidupkanlah kami sebagai muslim, dan pertemukanlah kami dengan golongan yang soleh tanpa malapetaka dan tanpa ditimpa fitnah (ujian)".

(اللَّهُمَّ قاتِلِ الْكُفَّارَ الَّذِينَ يَصُدُّونَ عَنْ سَبِيلِكَ،
وَيُكَذِّبُونَ رُسُلَكَ يَصُدُّونَ عَنْ سَبِيلِكَ، اللَّهُمَّ قاتِلِ
الْكُفَّارَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَهُ الْحَقِّ)

"Ya Allah perangilah golongan kafir yang menyekat dari jalanmu (Islam), dan mereka yang mendustakan rasul-rasulmu (menyekat dari jalanmu), Ya Allah perangilah golongan kafir yang menerima kitab, (wahai) Tuhan yang Hak (benar)".

Doa-doa Pilihan

(يَا مُقْلِبَ الْقُلُوبِ ثَبِّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ)

"Wahai Tuhan yang membolak-balikkan hati, tetapkanlah hatiku di atas agamamu".

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنَ الْخَيْرِ كُلِّهِ عَاجِلَهُ وَآجِلَهُ مَا
عَلِمْتُ مِنْهُ وَمَا لَمْ أَعْلَمْ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الشَّرِّ كُلِّهِ
عَاجِلَهُ وَآجِلَهُ مَا عَلِمْتُ مِنْهُ وَمَا لَمْ أَعْلَمْ)

"Ya Allah sesungguhnya aku memohon kepadaMu seluruh kebaikan yang datang secara cepat ataupun yang lambat samaada yang aku ketahui darinya maupun yang aku tidak ketahui, dan aku berlindung kepadaMu dari kejahanatan keseluruhannya yang datang secara cepat atau lambat samada yang aku telah ketahui darinya ataupun yang tidak aku ketahui".

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِمَّا سَأَلَكَ عَبْدُكَ وَنَبِيُّكَ، وَأَعُوذُ
بِكَ مِمَّا عَادَ مِنْهُ عَبْدُكَ وَنَبِيُّكَ، وَأَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ وَمَا قَرَبَ
إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ النَّارِ وَمَا قَرَبَ

Doa-doa Pilihan

إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ، وَأَسْأُلُكَ أَنْ تَجْعَلَ كُلَّ فَضَاءٍ
تَقْضِيهِ لِي خَيْرًا

"Ya Allah sesungguhnya aku memohon kepadaMu dari apa yang hamba dan nabi kamu telah pohonkan, dan aku berlindung dari apa yang telah hambaMu dan nabiMu minta perlindungan, Dan aku pohon dariMu syurga dan apa yang boleh mendekatkan kepadanya dari perkataan dan perbuatan, dan aku berlindung kepadaMu dari api neraka dan apa yang boleh mendekatkan kepadanya dari perkataan dan perbuatan, dan aku pohon padaMu supaya Engkau jadikan setiap ketentuan untukku dengan ketentuan yang baik".

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ، وَدُعَاءٍ لَا
يُسْمَعُ، وَنَفْسٍ لَا تَشْبَعُ، وَقَلْبٍ لَا يَخْشَعُ)

"Ya Allah sesungguhnya aku berlindung kepadaMu dari ilmu yang tidak bermanfaat, dan dari doa yang tidak didengari, dari nafsu yang tidak pernah kenyang dan dari hati yang tidak khusyuk".

Doa-doa Pilihan

(اللَّهُمَّ جَنِّبِنِي مُنْكَرَاتِ الْأَخْلَاقِ وَالْأَعْمَالِ وَالْأَهْوَاءِ
وَالْأَدْوَاءِ)

"Ya Allah jauhkanlah aku dari kemungkaran akhlak, amal perbuatan (yang jahat), hawa nafsu, dan penyakit-penyakit".

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْهُدَى، وَالثَّقَى، وَالْعَفَافَ،
وَالْغِنَى، وَالْعَمَلَ لِمَا ثُحبَ وَتَرْضَى)

"Ya Allah sesungguhnya aku memohon kepadaMu petunjuk hidayah, taqwa, kemaafan, kekayaan, dan amalan yang mana Engkau sukai dan Engkau redhai".

(رَبِّ أَعْنِي وَلَا تُعنِنْ عَلَيَّ، وَانْصُرْنِي وَلَا تَنْصُرْ عَلَيَّ،
وَامْكُرْ لِي وَلَا تَمْكُرْ عَلَيَّ، وَاهْدِنِي وَيَسِّرْ هُدَاكَ إِلَيَّ،
وَانْصُرْنِي عَلَى مَنْ بَغَى عَلَيَّ، رَبِّ اجْعَلْنِي لَكَ شَاكِرًا،
ذَاكِرًا لَكَ رَاهِبًا مَطْوَاعًا إِلَيْكَ مُخْبِتاً أَوَّاهًا مُنْبِباً، رَبِّ
اَقْبَلَ تَوْبَتِي وَأَغْسِلَ حَوْبَتِي وَأَجِبْ دَعْوَتِي، وَثَبَّتْ

Doa-doa Pilihan

**حُجَّيٌ، وَاهْدِ قَلْبِي، وَسَدِّدْ لِسَانِي، وَاسْلُلْ سَخِيمَةَ
قَلْبِي)**

"Ya Tuhanku bantulah daku janganlah Engkau bantu (kejahatan orang lain) ke atas aku, tolonglah daku jangan Engkau tolong (kejahatan orang lain) ke atas aku, rancanglah untuk daku janganlah Engkau rancang (kejahatan) ke atas aku, dan berilah petunjuk hidayah kepada aku dan permudahkan petunjukMu kepada aku, dan bantulah aku keatas setiap yang memusuhiiku. Ya Allah jadikanlah aku bersyukur padaMu, menjadi orang yang mengingatimu, menyembah dan mematuhiMu dengan penuh kehinaan, keinsafan dan taubat, wahai tuhan terimalah taubatku dan cucikanlah kekotoranku, dan terimalah doaku, dan tetapkanlah hujahku, dan berilah petunjuk dalam hatiku, lancarkanlah lidahku, buangkanlah kehitaman hatiku".

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ فَعْلَ الْخَيْرَاتِ، وَتَرْكَ الْمُنْكَرَاتِ،
وَحُبَّ الْمَسَاكِينِ، وَأَنْ تَعْفِرَ لِي وَتَرْحَمَنِي، وَإِذَا أَرْدَتَ
بَيْنَ عِبَادِكَ فَتْشَنَّ فَاقْبِضْنِي إِلَيْكَ غَيْرَ مَفْتُونٍ، اللَّهُمَّ إِنِّي

Doa-doa Pilihan

أَسْأَلُكَ حُبَّكَ، وَحُبَّ مَنْ أَحْبَبَكَ، وَحُبَّ عَمَلٍ يُقْرِبُنِي إِلَى
حُبِّكَ

"Ya Allah sesungguhnya aku memohon padaMu berbuat amalan kebaikan, dan meninggalkan kemungkaran, dan mencintai orang-orang yang miskin, dan Engkau ampuni dosaku dan Engkau merahmati akan daku, sekiranya Engkau menghendaki hamba-hambaMu ditimpa ujian maka genggamlah aku tanpa ditimpa fitnah, Ya Allah sesungguhnya aku menagih kepada cintaMu, dan kecintaan hamba yang mencintaiMu, dan kecintaan kepada amalan yang boleh mendekatkan aku kepada cintaMu.

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ فَوَاتِحَ الْخَيْرِ وَخَوَاتِمَهُ، وَجَوَامِعَهُ،
وَأَوَّلَهُ وَآخِرَهُ، وَظَاهِرَهُ وَبَاطِنَهُ، وَالدَّرَجَاتِ الْعُلَىٰ مِنِ
الْجَنَّةِ)

"Ya Allah sesungguhnya aku memohon dariMu kunci-kunci kebaikan dan penutup-penutupnya, dan pengumpul-pengumpulnya, permulaan kebaikan dan penutupnya, yang zahir

Doa-doa Pilihan

dan yang tersembunyi darinya, dan darjat yang tinggi daripada syurga".

(اللَّهُمَّ احْفَظْنِي بِالإِسْلَامِ قَائِمًا، وَاحْفَظْنِي بِالإِسْلَامِ
قَاعِدًا، وَلَا تُطِعْ فِي عَدُوٍّ^(۱) وَلَا حَاسِدًا)

"Ya Allah peliharalah Islam pada diriku dalam keadaan aku berdiri, dan peliharalah Islam pada diriku dalam keadaan aku duduk, dan janganlah Engkau benarkan aku patuh kepada perintah musuh dan orang yang berhasad dengki".

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ كُلِّ خَيْرٍ خَزَانَتُهُ بِيَدِكَ، وَأَعُوذُ
بِكَ مِنْ كُلِّ شَرٍّ خَزَانَتُهُ بِيَدِكَ)

"Ya Allah aku memohon kepadaMu dengan setiap kebaikan yang khazanahnya di tanganmu, dan aku berlindung kepadamu dari kejahatan yang khazanahnya di tanganmu".

^(۱) Janganlah Engkau benarkan aku melakukan apa yang digemari oleh musuhku. Sila lihat An-Nihayah dalam Kitab Gharib Hadis 2/499

Doa-doa Pilihan

(رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَاتَ عَذَابَ
النَّارِ)

"Ya Tuhan kami berikanlah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan jauhkanlah kami dari seksaan api neraka".

* * *